

PERUBAHAN DARI POLITIK ETNIK KEPADA POLITIK PELBAGAI
BUDAYA: IMPAK PILIHAN RAYA UMUM 2013

CHEUNG HENG RUN

SARJANA PENGAJIAN STRATEGIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2014

PERUBAHAN DARI POLITIK ETNIK KEPADA POLITIK PELBAGAI
BUDAYA: IMPAK PILIHAN RAYA UMUM 2013

OLEH
CHEUNG HENG RUN

KERTAS PROJEK YANG DISERAHKAN KEPADA GHAZALI SHAFIE
GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT (KOLEJ UNDANG-
UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA),
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
STRATEGIK

PERAKUAN HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan sebarang penulisan semula, dan atau membuat salinan di mana-mana bahagian dalam bab atau isi kandungan dalam kertas kerja ini tidak kira dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada melalui cetakan elektronik, fotostat, atau rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada Dekan Pengajian Siswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK SARJANA
(CERTIFICATION OF MASTER'S PROJECT PAPER)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

CHEUNG HENG RUN (812443)

nama penuh
(full name)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

MASTER OF STRATEGIC STUDIES

telah mengemukakan kertas projek sarjana yang bertajuk:
(has presented his/her master's project paper of the following title):

**PERUBAHAN DARI POLITIK ETNIK KEPADA POLITIK PELBAGAI BUDAYA:
IMPAK PILIHAN RAYA UMUM 2013**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek sarjana
(as it appears on the title page and front cover of the master's project paper)

bahawa kertas projek sarjana tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the said master's project paper is acceptable on form and content, and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the master's project paper).

(i) Nama/Name : **RUSDI OMAR**
Penyelia Utama (Principal Supervisor)

Tandatangan
(Signature)

(ii) Nama/Name :

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: _____
(Date)

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang impak pilihan raya umum 2013 iaitu sama ada politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya. Dalam pilihan raya 2013, terdapat dua parti pakatan yang bertanding iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Terdapat ramai pengkaji berpendapat bahawa Pakatan Rakyat mampu menyumbang kepada politik pelbagai budaya di Malaysia dan menamatkan politik etnik. Kebanyakan pengkaji telah menganggap kemunculan Pakatan Rakyat dapat membawa Malaysia ke arah demokrasi yang matang, saksama, adil, dan *egalitarian*. Walaubagaimanapun, kebanyakan pengkaji telah menggunakan peristiwa sejarah sebagai metodologi mereka. Analisis kandungan (*content analysis*) akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat daripada data primer dan data sekunder. Data primer melalui temuramah email, manakala data sekunder melalui akhbar dalam talian dan buletin dalam talian. Daripada pilihan raya umum 2013, kebanyakan data telah menunjukkan sentimen etnik merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan sesebuah parti. Justeru, unsur-unsur etnik merupakan elemen utama dalam pilihan raya tetapi ia belum cukup untuk menunjukkan politik di Malaysia ialah politik etnik. Kedua-dua parti pakatan mempunyai ciri-ciri seperti multi-etnik atau kepelbagaian budaya dalam kerajaan yang dibentuk oleh mereka. Politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) merupakan politik yang telah lama diamalkan oleh Malaysia sejak zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman kerana kepentingan setiap kumpulan telah dijaga dan sehingga sekarang semangat ini masih dipelihara dan bersesuaian dengan konsep kepelbagaian budaya (*multiculturalism*). Wakil etnik Tionghua juga diperlukan dalam pembentukan kabinet dan ini telah menunjukkan politik Malaysia merupakan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) walaupun kebanyakan calon Tionghua dari MCA dan Gerakan telah kalah dalam pilihan raya umum 2013. Selain itu, kemampuan Pakatan Rakyat untuk membawa Malaysia ke arah politik pelbagai budaya telah dibuktikan melalui pencapaian dasar cekap, akauntabiliti dan telus (C.A.T) di Pulau Pinang dan parti Pakatan Rakyat juga menunjukkan sifat-sifat politik pelbagai budaya dalam kerajaan negeri yang dibentuk oleh mereka.

Kata kunci: impak pilihan raya umum 2013, politik etnik, politik pelbagai budaya, barisan nasional, pakatan rakyat.

ABSTRACT

This study aims to investigate the impact of 2013 general election whether the politics of Malaysia has changed from ethnic politics to multicultural politics. In election 2013, there are two pacts of parties contested which were Barisan Nasional coalition (National Front) and Pakatan Rakyat coalition (People's Pact). There are many researchers think that Pakatan Rakyat is able to contribute towards multicultural politics in Malaysia and ends the ethnic politics. Most researchers have regarded the emergence of Pakatan Rakyat can bring Malaysia towards a mature, fair, just, and egalitarian democracy. Nevertheless, most researchers have used historical events as their methodology. Content analysis will be used to collect information from primary data and secondary data. Primary data is through email interview, while secondary data is through online newspaper and online bulletins. From general election 2013, most data have showed ethnic sentiment was the main factor which contribute to the victory of a party. Hence, ethnic elements are the main element in election yet they do not really proof that the politics in Malaysia is an ethnic politics. Both coalitions have features like multi-ethnic or cultural diversity in government shaped by them. Multicultural-based politic is a politic that has been long practiced by Malaysia since Tunku Abdul Rahman's ruling era because of the importance of every group is kept and until today this spirit still breed and suitable with the cultural diversity (multiculturalism) concept. Tionghua ethnic representative is also needed in the cabinet formation had showed Malaysian politics is a multicultural-based politic although many Tionghua candidates from MCA and Gerakan lost in the 2013 general election. Apart from that, Pakatan Rakyat's capability to drive Malaysia towards a multicultural-based politics direction has been proven through competency, accountability and transparent (C.A.T) policy achievement in Penang and Pakatan Rakyat has also showed multicultural political qualities in the state government shaped by them.

Keywords: 2013 general election impact, ethnic-based politic, multicultural-based politic, barisan nasional, pakatan rakyat

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin serta kekuatan mental dan fizikal yang diberikan olehnya, kertas projek ini berjaya dihasilkan. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap insan yang membantu dan menyokong saya tidak kira dari segi moral mahupun material dalam usaha saya menyiapkan kertas projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada En. Rusdi Omar selaku penyelia saya yang telah banyak memberi idea, panduan dan bimbingan dalam menyiapkan kertas projek ini. Tidak ketinggalan juga kepada Prof Madya Dr. James Gomez yang mencadangkan tajuk in semasa saya mengambil kelas Kaedah Penyelidikan beliau. Begitu juga kepada semua pensyarah yang pernah mendidik saya secara langsung mahupun tidak langsung, sesungguhnya segala ilmu yang diberikan adalah bernilai untuk saya gunakan bagi menyiapkan kertas projek ini.

Ribuan penghargaan kepada keluarga saya, terima kasih atas segala dorongan dan pemahaman yang kalian berikan. Kepada kedua ibu dan bapa saya, andalah yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada setiap langkah dan kejayaan saya. Terima kasih di atas dorongan dan kata-kata semangat yang sentiasa tersemat di hati. Sesungguhnya kejayaan ini adalah milik kalian juga. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan semangat kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini.

Sekali lagi jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat di dalam proses menyiapkan kertas projek ini, tidak kira mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Jasa baik dan pengorbanan anda amat saya hargai. Semoga Tuhan sahaja yang membalas pengorbanan yang diberikan.

KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|--|---------|
| TAJUK | |
| PERAKUAN HAK CIPTA | i |
| ABSTRAK | ii-iii |
| PENGHARGAAN | iv-v |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI SINGKATAN | viii |
| BAB 1: PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Latar Belakang | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 16 |
| 1.3 Objektif Kajian | 19 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 19 |
| 1.5 Definisi Konsep | 20 |
| i. Kepelbagaian Budaya (<i>Multiculturalism</i>) | 20 |
| ii. Politik Etnik | 23 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 26 |
| 1.7 Skop Kajian | 28 |
| 1.8 Limitasi | 29 |
| 1.9 Pembahagian Bab | 29 |
| BAB 2: ULASAN KARYA | 32 |

| | |
|---|----|
| BAB 3: METODOLOGI | 44 |
| 3.1 Pengenalan | 44 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 45 |
| 3.3 Sampel | 47 |
| 3.4 Prosedur Mengumpulkan Data | 48 |
| 3.5 Teknik Menganalisis Data | 49 |
| BAB 4: DAPATAN KAJIAN | 51 |
| 4.1 Pengenalan | 51 |
| 4.2 Adakah parti politik di Malaysia mengamalkan Politik Etnik? | 52 |
| 4.2.1 <i>The Star Online</i> dan Berita Harian <i>Online</i> | 53 |
| 4.2.2 <i>My Sinchew.com</i> | 55 |
| 4.2.3 <i>The Malaysian insider</i> , <i>Harakahdaily</i> dan <i>Rocketkini.com</i> | 58 |
| 4.3 Adakah Politik Malaysia berubah dari Politik Etnik kepada Politik Pelbagai Budaya? | 60 |
| 4.3.1 <i>The Star Online</i> | 61 |
| 4.3.2 <i>Sinar Harian</i> dan Berita Harian <i>Online</i> | 62 |
| 4.3.3 <i>Rocketkini.com</i> , <i>The Malaysian insider</i> dan <i>Harakahdaily</i> | 63 |
| 4.4 Sejauhmanakah Pakatan Rakyat boleh menyumbang kepada Politik Kepelbagaian Budaya (<i>Multiculturalism</i>). | 65 |
| 4.4.1 <i>My sinchew.com</i> dan Berita Harian <i>Online</i> | 68 |
| 4.4.2 <i>Rocketkini.com</i> | 69 |

| | |
|-------------------------------|----|
| BAB 5: RUMUSAN DAN KESIMPULAN | 70 |
| 5.1 Rumusan | 70 |
| 5.2 Kesimpulan | 77 |
| RUJUKAN | 79 |
| LAMPIRAN | 85 |

SENARAI JADUAL

| | |
|--------------------------------------|----|
| Jadual 1 Keputusan Pilihan Raya 2013 | 9 |
| Jadual 2 Kumpulan Etnik (1960-2013) | 12 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|--------|--------------------------------------|
| ADUN | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| BN | Barisan Nasional |
| BR1M | Bantuan Rakyat 1 Malaysia |
| CAT | Cekap, Akauntabiliti dan Telus |
| DAP | Parti Tindakan Demokratik |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| DPN | Dasar Pembangunan Nasional |
| MCA | Persatuan Cina Malaysia |
| MIC | Kongres India Malaysia |
| MOU | Memorandum Persefahaman |
| PKR | Parti Keadilan Rakyat |
| PR | Pakatan Rakyat |
| PAS | Parti Islam Se-Malaysia |
| PRU-13 | Pilihan Raya Umum ke-13 |
| SUPP | Parti Rakyat Bersatu Sarawak |
| UMNO | Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu |
| UUM | Universiti Utara Malaysia |
| YB | Yang Berbahagia |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Sejak kemerdekaan, politik yang berasaskan kumpulan etnik telah diamalkan secara meluas oleh parti-parti politik di Malaysia kerana kebanyakan parti politik adalah berasaskan kumpulan etnik dan mereka sentiasa berjuang untuk mempertahankan kepentingan etnik masing-masing. Contohnya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaysia (MCA), Kongres India Malaysia (MIC) dan lain-lain lagi. Terdapat sekumpulan penyelidik yang berpendapat bahawa kemunculan Pakatan Rakyat dapat menamatkan politik yang berasaskan kumpulan etnik dan kemudiannya menyumbang kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Namun, terdapat juga segelintir penyelidik mengabaikan kepentingan semangat perkongsian kuasa yang diamalkan oleh Barisan Nasional, seperti yang kita ketahui kepentingan perkongsian kuasa dalam masyarakat majmuk.

Pada zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman, beliau telah menubuhkan Kabinet yang berbilang kaum iaitu 5 orang Melayu, 3 orang Tionghua dan seorang India (Miller, 2007). Dari perspektif ini, kuasa negara telah dikongsi bersama oleh semua etnik. Kemunculan masyarakat majmuk berpunca daripada pemerintahan kolonial British.

Menurut Rohani, Ismail & Izani (2009), masyarakat kolonial ialah penduduk yang hidup dalam ‘kotak-kotak kaum’ yang berasingan dengan amalan budaya dan kepercayaan yang berbeza, bergaul dengan tujuan ekonomi antara satu

sama lain dalam batas serta sempadan yang jelas, tetapi berada dalam unit politik yang sama. Situasi ini dikenali sebagai ‘bergaul tetapi tidak berpadu’.

Oleh itu, masyarakat majmuk yang dicirikan oleh pengelompokan (*groupings*) dan kepelbagaian yang berdasarkan kaum selalunya menyumbang kepada masalah pembinaan negara bangsa.¹ Ciri-ciri masyarakat majmuk boleh menyumbang kepada persaingan dan konflik antara kaum dan seterusnya mengugat keharmonian dalam negara. Tambahan lagi, Rohani, Ismail & Izani (2009) juga berkata konflik-konflik etnik terhasil akibat dari dominasi dan kejayaan sesuatu kumpulan etnik berbanding dengan kumpulan lain dalam kerajaan kemudian menampilkan penguasaan mereka ke atas etnik yang lain.

Oleh kerana etnik Melayu tidak berminat untuk menceburi sektor ekonomi perdagangan yang baru diperkenalkan telah memaksa kolonial British untuk mengimport buruh-buruh dari China, India dan juga Indonesia untuk bekerja dalam sektor ekonomi yang baru. Kemasukan buruh asing dari China dan India telah membawa kepada pengkhususan pekerjaan berdasarkan kumpulan etnik. Contohnya, kebanyakan etnik Tionghua bekerja di lombong-lombong manakala etnik India bekerja di ladang getah. Dari tahun 1800 sehingga 1930 telah berlaku penghijrahan etnik Tionghua ke Tanah Melayu kerana negeri-negeri China seperti Fujian dan Guang Dong sering berlaku bencana alam, perang saudara, kebuluran dan lain-lain lagi. Selain dari etnik Tionghua, etnik India juga dibawa masuk atas permintaan buruh yang tinggi dalam sektor pembinaan jalan raya, peladang kopi dan getah.

¹Rohani, H, A, G., & Saleh, M, I. (Ed). (2009). *Malaysia: Pembinaan negara bangsa* (3rd ed.). Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Zammas X' Press Niaga. p. 47.

Menurut Diane (1993) untuk melindungi etnik Melayu daripada penghijrahan agresif etnik bukan Melayu, kerajaan kolonial British berkerjasama dengan bangsawan Melayu untuk memberi hak istimewa (*speical rights*) kepada etnik Melayu dan hak istimewa tersebut merangkumi pekerjaan dalam kerajaan, pelajaran dan tanah rizab. Selain itu, dasar keutamaan (*preferential policy*) telah diperkenalkan untuk menggalakkan golongan petani Melayu mengekalkan tradisi cara hidup mereka.

Masalah perpaduan di Malaysia adalah berpunca dari dasar kolonial British seperti dasar ‘pecah dan perintah’. Tujuan utama pengenalan dasar ‘pecah dan perintah’ ialah untuk menghalang rakyat di Tanah Melayu bersatu untuk menentang kolonial British. Masalah perpaduan seumpama duri dalam daging dan memberi kesan langsung kepada pembinaan negara bangsa. Menurut Kassim (2002), dasar ‘pecah dan perintah’ telah menyebabkan pihak British sendiri menentukan dan memisahkan tentang penglibatan setiap etnik dalam bidang ekonomi, tempat tinggal, sistem pendidikan dan sebagainya. Oleh itu, dasar ‘pecah dan perintah’ mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap penduduk Tanah Melayu. Justeru, dasar ini juga bertujuan untuk menghalang proses asimilasi dan sosial interaksi di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Seterusnya ia boleh mengekalkan kekuasaan kolonial British dan mengeksploitasi ekonomi dengan maksimum.

Pada 11 Mei 1946, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan oleh Dato’ Onn Jaafar selepas kolonial British hendak melaksanakan Malayan Union. Tujuan sebenar penubuhan Malayan Union ialah kolonial British hendak memegang kuasa pemerintahan Tanah Melayu secara mutlak dan berkekalan (Manaf, 2009, p. 28). Selain itu, terdapat beberapa sebab utama yang menimbulkan

ketidakpuasan hati etnik Melayu ialah pemindahan kuasa Raja-Raja Melayu kepada Baginda Queen, menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan melalui perlembagaan Malayan Union, pemberian kerakyatan kepada etnik bukan Melayu yang berasaskan prinsip '*jus soli*' dan penghapusan hak istimewa etnik Melayu (Kassim, 2002, p. 164). Oleh itu, UMNO telah mengadakan perhimpunan besar-besaran di beberapa buah negeri untuk memaksa kolonial British untuk memansuhkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Pada tahun 1957, kolonial British telah menjanjikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu sekiranya etnik Melayu, Tionghua dan India dapat berkongsi kuasa dan berkerjasama dalam pemerintahan negara. Menurut Kartini, Nidzam, Kamal, Rogayah, Ermy, Azziaty & Rasyid (2013), permintaan kolonial British turut menyumbang kepada pembentukan perikatan antara kumpulan etnik, terutamanya parti politik. Menurut Manaf (2009), UMNO, MCA dan MIC telah mengukuhkan kerjasama dalam perikatan sehingga menyampaikan memorandum tunggal secara bersama kepada Suruhanjaya Reid. Terdapat tiga perkara yang dipersetujui antara ketiga-tiga parti tersebut ialah;

- Kerakyatan yang diberikan berasaskan '*jus soli*'
- Mengekalkan hak istimewa orang Melayu
- Kedudukan bahasa, kebudayaan dan agama

Sejak itu, politik Malaysia telah mengamalkan politik yang berasaskan kumpulan etnik. Parti-parti etnik dari UMNO, MCA dan MIC telah bergabung dan menubuhkan parti pakatan di mana parti-parti tersebut mewakili kepentingan etnik masing-masing. Menurut Fuad, Junaidi, Buang, Selvadurai, Er & Lyndon (2011), parti politik yang tidak menggunakan nama kaum mendapati mereka sukar untuk membebaskan diri daripada politik etnik. Menurut Kua (2002), parti pakatan masih didominasi oleh komponen parti-parti yang bersifat kumpulan etnik seperti UMNO, MCA dan MIC.

Oleh itu, parti-parti yang bersifat kumpulan etnik akan sentiasa berusaha untuk mendapat sokongan pengundi daripada kumpulan etnik masing-masing dengan menekankan kepada pembelaan kepentingan etnik masing-masing. Contohnya, manifesto sesebuah parti etnik selalunya akan dikaitkan kepentingan-kepentingan sesuatu kumpulan etnik. Tambahan lagi, Kua (2002, p. 14) juga mengatakan bahawa *'some opportunities opposition parties likewise pander to their constituencies using racist propaganda to win electoral support and they have also contributed to the vicious circle of racial politics which has characterised Malaysian politics all these years'*. Terdapat sesetengah parti pembangkang akan menggunakan sentimen perkauman untuk melayan atau meraih sokongan pengundi dan ia secara tidak langsungnya akan menyumbang kepada polarisasi etnik di Malaysia. Menurut *My sinchew.com* (2012, Mei 8), Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahatir Mohamad mengkritik Lim Kit Siang kerana beliau telah membawa konsep *'Malaysian Malaysia'* yang boleh mengakibatkan permusuhan antara etnik Melayu dan Tionghua.

Selain itu, Chin (2001) juga berkata setiap parti-parti politik dalam perikatan memahami peranan masing-masing seperti UMNO memegang kuasa politik manakala MCA bebas dalam sektor ekonomi. Ini merupakan persetujuan komunal antara UMNO dan MCA. Khususnya, etnik Melayu bersetuju untuk memberi kerakyatan kepada etnik bukan Melayu manakala etnik bukan Melayu menerima agama Islam sebagai agama rasmi, pemerintah Melayu sebagai ketua negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Peristiwa 13 Mei pada tahun 1969 telah memaksa Tunku Abdul Rahman untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Kejadian ini merupakan titik perubahan dalam politik Malaysia (Osman, 2012). Kejadian konflik etnik telah membawa kepada pergantungan perlembagaan negara dan pengisytiharan darurat. Menurut Chin (2001), Peristiwa 13 Mei berpunca daripada ketidakseimbangan ekonomi antara etnik Melayu dan etnik Tionghua.

Selain faktor itu, faktor kegagalan parti perikatan dalam mengekalkan dua pertiga majoriti dalam parlimen telah menunjukkan etnik Melayu hilang dominasi dalam politik Malaysia (Singh, 2010). Faktor tersebut merupakan salah satu punca kepada Peristiwa 13 Mei. Selain itu, Singh (2010) juga berhujah bahawa konflik etnik telah membawa perubahan dari demokrasi kepada penguasaan dalam pemerintahan negara. Ketidakseimbangan ekonomi antara etnik telah diperbetulkan melalui perundangan dan seterusnya perlembagaan persekutuan telah dipinda. Oleh itu, etnik Melayu atau Bumiputera telah dikurniakan hak-hak istimewa.

Menurut Chin (2001), kedudukan istimewa dalam perlembagaan tidak pernah dinyatakan secara teliti tetapi ia membolehkan kerajaan untuk mengubal dasar yang memberi keutamaan kepada etnik Bumiputera. Hak-hak istimewa ini merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan seperti politik, pemerintahan, perniagaan, pelajaran, dan agama (Haque, 2003). Menurut Kua (2002), beliau mengatakan bahawa artikel 8(1) dalam perlembagaan Malaysia telah menekankan kepada prinsip kesaksamaan kepada semua rakyat Malaysia manakala artikel 12(1) telah melarangkan diskriminasi terhadap rakyat Malaysia tanpa mengambil kira agama, etnik, keturunan dan tempat lahir.

Tambahan, ahli-ahli UMNO melihat kepimpinan Tunku tidak relevan selepas konflik etnik. Oleh itu, Tun Razak telah mencipta sistem hegemoni dan mengubah parti perikatan kepada Barisan Nasional (Osman, 2010). Selain itu, Kua (2002) mengatakan bahawa UMNO sentiasa menekankan kepada perpaduan Melayu (*Malay Unity*) dan penguasaan etnik Melayu (*Malay Dominance*) kerana ia adalah penting untuk perpaduan negara. Menurut Moten & Mokhtar (2006), Barisan Nasional ialah pakatan parti politik yang mewakili pelbagai etnik dan seterusnya menunjukkan mereka ialah parti pelbagai budaya (*multicultural-based party*). Dalam Barisan Nasional, setiap komponen parti politiknya berfungsi untuk melindungi hak-hak etnik masing-masing.

Kua (2002) mengatakan bahawa sejak zaman kolonial British, perkauman dan diskriminasi etnik telah menjadi sebahagian dalam politik Malaysia, ekonomi, dan sosial kebudayaan. Tambahan lagi, beliau juga berhujah bahawa '*race has been so deeply institutionalised that it is a key factor determining benefits from government*

development policies, bids for business contracts, education policy, social policy, cultural policy, entry into educational institutions, discounts for purchasing houses and other official policies' (Kua, 2002, p. 13). Oleh itu, hampir setiap aspek hidup dalam Malaysia adalah dikaitkan dengan unsur-unsur etnik.

Tambahan lagi, Kua (2002) juga memberi contoh tentang politik etnik yang telah berlaku di Malaysia seperti insiden '*Suqiu*'. '*Suqiu*' bermaksud rayuan dalam bahasa Mandarin dan ia merupakan rayuan yang dikemukakan oleh persatuan Tionghua Malaysia selepas penghantaran pegawai pendidikan yang tidak berkelayakan ke sekolah Tionghua. Walau bagaimanapun, '*Suqiu*' telah didakwa oleh pemuda UMNO sebagai rayuan atau permintaan yang mencabar hak-hak istimewa etnik Melayu.

Pada pilihan raya umum 2008, tsunami politik berlaku apabila majoriti kumpulan etnik seperti Melayu, Tionghua dan India telah mengundi parti pembangkang (Pakatan Rakyat). Keputusan pilihan raya umum 2008 merupakan kegagalan Barisan Nasional dalam mengekalkan dua pertiga majoriti dalam parlimen dan kehilangan lima buah negeri kepada Pakatan Rakyat. Menurut Saravanamuttu (2008), politik Malaysia masih dipengaruhi oleh mobilisasi etnik dan formula parti politik etnik masih menerajui Malaysia politik. Selain itu, peratus bagi setiap kumpulan etnik yang mengundi parti pembangkang ialah Melayu (5%), Tionghua (30%) dan India (35%). Justeru, kemenangan parti pembangkang telah membawa politik Malaysia ke arah sistem dua parti. BN mewakili politik yang berasaskan kumpulan etnik yang lama manakala PR mewakili sejenis politik baru yang telah

menyeberangi sempadan perkauman atau bersifat politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*).

Pilihan raya umum 2013 masih menunjukkan fenomena yang sama seperti yang berlaku pada pilihan raya umum 2008. Di bawah ialah jadual 1.0 yang menunjukkan perubahan kerusi parlimen yang dimenangi oleh kedua-dua parti pakatan seperti BN dan PR.

Jadual 1. Keputusan pilihan raya 2013

| Parti Politik (kerusi parlimen: 222 buah) | Jumlah kerusi yang menang pada pilihan raya umum 2013 | Perubahan dari pilihan raya umum 2008 |
|---|---|---------------------------------------|
| BN | 133 | -7 |
| UMNO | 88 | +8 |
| PBB | 14 | - |
| MCA | 7 | -8 |
| MIC | 4 | +1 |
| Gerakan | 1 | -1 |
| Parti dari Sabah dan Sarawak (Parti Rakyat Sarawak, Parti Bersatu Sabah, <i>Sarawak Progressive Democratic Party</i> , <i>United Pasokmumugan Kadazandusun Murut</i>) | 19 | -8 |

| | | |
|---|----|-----|
| <i>Organisation, Sarawak United People Party, Parti Bersatu Rakyat Sabah)</i> | | |
| PR | 89 | +7 |
| DAP | 38 | +10 |
| PKR | 30 | -1 |
| PAS | 21 | -2 |

(Sumber: Weiss, M. L. (2013). Malaysia's 13th general elections: Same result, different outcome. *University Of California Press*, 53 (6), pp. 1135-1158. doi:10.1525/AS.2013.53.6.1135).

Daripada keputusan di jadual 1.0, jumlah kerusi parlimen yang dipegang oleh parti UMNO 88 kerusi, MCA 7 kerusi, MIC 4 kerusi, Gerakan satu kerusi, dan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak 19 kerusi. Secara keseluruhannya, jumlah kerusi yang dipegang oleh BN telah menurun dari 140 kepada 133 kerusi pada tahun 2013. Manakala, PR telah berjaya menambahkan jumlah kerusi parlimen dari 82 kerusi kepada 89 kerusi parlimen pada pilihan raya umum 2013. Dalam komponen parti-parti PR, DAP telah mendapat jumlah kerusi parlimen yang terbesar iaitu 38 kerusi, PKR mendapat 30 kerusi dan PAS mendapat 21 kerusi.

Menurut Weiss (2013), BN bergantung kepada undi dari Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) dan sentiasa menjaga parti-parti tersebut agar tidak lompat ke pihak yang lain. Oleh itu, wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak telah memegang satu-pertiga dalam portfolio menteri. Walau bagaimanapun, Weiss (2013) menjelaskan bahawa politik Malaysia masih berpusat dan cenderung ke arah politik perkauman

terutamanya parti BN. Justeru, beliau berhujah bahawa '*the BN is organized along these lines, on the fundamental assumption that citizens' primary identity and interest will be racially determined*' (Weiss, 2013, p. 1139).

Selain daripada isu-isu perkauman, isu ekonomi menjadi tumpuan utama dalam pilihan raya umum 2013. Isu ekonomi bukan sahaja tertumpu kepada kos sara hidup tetapi juga merangkumi persoalan pemegangan tanah, akses kepada kontrak kerajaan, isu pendidikan tinggi, pekerjaan, penswastan bekalan air dan lebuhraya, dan pengagihan dana dan projek-projek pembangunan. Oleh itu, firma penyelidikan yang terkemuka seperti '*Merdeka Center*' telah melakukan kajian pada akhir pra-pengundian dan mendapati 25% daripada penduduk Malaysia berpendapat bahawa isu-isu ekonomi merupakan isu yang penting berbanding dengan masalah yang lain.

Untuk mengetahui tentang politik Malaysia, kita tidak boleh lari daripada statistik komposisi etnik yang dapat menunjukkan pertumbuhan setiap kumpulan etnik dari tahun 1960 sehingga 2013. Di bawah ialah jadual komposisi kumpulan etnik di Malaysia:

Jadual 2: kumpulan etnik (1960- 2013)

| TAHUN | KUMPULAN ETNIK | | | | | |
|----------------|-----------------------|----------------------|----------------------|---------------------|--------------------|----------------------|
| | MELAYU | BUMIPUTERA LAIN | TIONGHUA | INDIA | LAIN- LAIN | JUMLAH |
| 2013 (‘000) | 15,034.9 (55%) | 3,546.7 (13%) | 6,555.2 (24%) | 1,965.0 (7.2%) | 258.5 (1%) | 27,360.4 (100%) |
| 2010 | 14,749,378 (55.1%) | 3,197,993 (12%) | 6,520,559 (24.3%) | 1,969,343 (7.4%) | 347,692 (1.3%) | 26,784,965 (100%) |
| 2000 | 11,322,282 (54%) | 2,442,864 (12%) | 5,365,847 (26%) | 1,580,210 (7.5%) | 260,335 (1.24%) | 20,971,538 (100%) |
| 1990 | 8,863,574 (54.2%) | 2,089,971 (12.8%) | 5,260,364 (32.2%) | 1,437,162 (8.8%) | 111,900 (0.6%) | 16,325,809 (100%) |
| 1980 (‘000) | 65,644 (49.3%) | 1,402,3 (10.52%) | 41,668 (31.3%) | 10,984 (8.24%) | 87,9 (0.66%) | 133,198 (100%) |
| 1970 | 4,859,716 (47.1%) | 878,534 (8.5%) | 3,495,977 (33.9%) | 933,250 (9.1%) | 151,847 (1.47%) | 10,391,324 (100%) |
| 1960 | 3,256,419 (44%) | 624,740 (8.42%) | 2,667,452 (36%) | 735,038 (10%) | 134,349 (1.8%) | 7,417,998 (100%) |

(Sumber: *Laporan Am Banci Penduduk Malaysia, 1970., Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1980., Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1991., Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000., Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, 2010, dan Unjuran Penduduk Malaysia, 2010-2040).*

Jadual 2 ialah komposisi kumpulan etnik dan ia mengandungi lima kumpulan etnik di Malaysia iaitu Melayu, Bumiputera yang lain, Tionghua, India dan lain-lain. Etnik Melayu dirangkumi dalam kategori Bumiputera manakala Tionghua, India dan lain-lain dirangkumi dalam kategori bukan Bumiputera. Bumiputera lain ialah masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak.

Dari jadual 2, etnik Melayu merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Malaysia. Pada tahun 2013, jumlah etnik Melayu ialah 15,034,900 (55%), etnik Tionghua ialah 6,555,200 (24%), Bumiputera yang lain ialah 3,546,700 (13%), etnik India ialah 1,965,000 (7.2%) dan lain-lain etnik ialah 2,58.500 (1%). Jumlah populasi Bumiputera pada tahun 2013 ialah 18,581,600 (68%) manakala jumlah etnik bukan Bumiputera ialah 8,778,700 (32%). Tambahan lagi, jumlah bagi setiap kumpulan etnik meningkat dengan ketara terutamanya etnik Melayu dan Bumiputera yang lain.

Berbanding dengan tahun 1960, etnik Melayu telah meningkat dari 3,256,419 kepada 15,034,900 atau peningkatan sebanyak 461%. Bumiputera yang lain telah meningkat dari 624,740 kepada 3,546,700 atau peningkatan sebanyak 567%. Manakala, etnik Tionghua telah meningkat dari 2,667,452 kepada 6,555,200 atau peningkatan sebanyak 245%, etnik India telah meningkat dari 735,038 kepada 1,965,000 atau peningkatan sebanyak 267%. Kumpulan etnik yang lain telah meningkat dari 134,349 kepada 258,500 atau peningkatan sebanyak 192%.

Populasi bagi setiap etnik telah meningkat dengan mantap sejak tahun 1957. Secara keseluruhannya, etnik Melayu merupakan etnik yang paling pesat berkembang terutamanya pada tahun 1990 dan 2000. Pada tahun 1990, etnik Melayu

telah pesat berkembang dari 8,863,574 kepada 11,322,282 pada tahun 2000. Manakala, etnik Tionghua, India dan lain-lain berkembang dengan perlahan.

Pada tahun 1990, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat dan telah menarik perhatian jumlah besar etnik Indonesia dan Filipina untuk berhijrah ke Malaysia. Menurut Pillai (1999), kadar pertumbuhan imigran sangat berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh serantau, tetapi ia juga berkaitan dengan kedudukan geografi yang unik, sempadan bersama, persamaan dari segi sejarah dan budaya dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina, dan Thailand.

Oleh itu, Indonesia merupakan pekerja asing yang paling banyak dan berkecenderungan untuk bekerja di ladang and tapak pembinaan terutamanya pada tahun 1970 dan 1980. Selain itu, jumlah pendatang yang besar telah mengantikan penduduk Malaysia dalam pelbagai jenis pekerjaan seperti ladang, pembinaan, dan sektor perkhidmatan tempatan.

Di timur Malaysia, Sabah ialah negeri yang menerima jumlah imigran yang paling ramai dari Filipina. Menurut Pillai (1999), kebanyakan imigran dari Filipina adalah berbentuk dalam keluarga. Tambahan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggar bahawa terdapat 340,000 Filipina telah berhijrah ke Malaysia pada tahun 1998.

Menurut Gomez & Rusdi (2013), data Bank Dunia pada tahun 2010 telah menganggar bahawa terdapat 800,000 sehingga 1.4 juta rakyat Malaysia tinggal di luar negara. Dari tahun 2000 sehingga 2010, terdapat 46% daripada jumlah itu telah

berhijrah ke negara Singapura. Pada tahun 2010, sebanyak 385,979 rakyat Malaysia telah berhijrah ke Singapura dan etnik Tionghua merupakan etnik yang terbesar untuk berhijrah ke negara tersebut. 88 % daripada jumlah tersebut ialah etnik Tionghua, 6% ialah etnik Melayu dan etnik India ialah 5%. Etnik Tionghua yang berhijrah ke Singapura telah meningkat dari 85% pada tahun 2000 kepada 88% pada tahun 2010. Sebaliknya, jumlah etnik Melayu yang berhijrah ke Singapura telah menurun dari 9% pada tahun 2000 kepada 6% pada tahun 2010. Manakala, etnik India masih kekal pada peratus yang sama. Secara keseluruhannya, jumlah rakyat Malaysia yang berhijrah ke Singapura ialah 303,828 pada tahun 2000.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam dunia hari ini, hampir setiap negara mempunyai masalah dalaman seperti konflik antara kumpulan etnik dan masalah tersebut secara tidak langsungnya akan menyumbang kepada konflik antara kumpulan etnik. Oleh itu, politik yang tidak menekankan kepada perkauman seharusnya di beri perhatian kerana ia dapat menyumbangkan kepada pembentukan masyarakat yang matang dan '*egalitarian*'.

Antara faktor yang menyumbang masalah kepada hubungan antara kumpulan-kumpulan etnik ialah politik etnik. Mengikut pemahaman saya, politik etnik ialah sejenis politik yang lama di mana kebanyakan ahli-ahli politik akan menggunakan sentimen perkauman untuk meraih sokongan padu daripada kumpulan etniknya dengan menjanjikan pemberian maafaat atau menjaga kepentingan kumpulan etniknya. Mobilisasi etnik akan digunakan jika terdapat pihak-pihak yang akan mencabar kepentingan mereka atau juga dikenali sebagai '*parochial*'. Oleh itu, politik etnik akan membawa kitaran yang tidak akan habis dan ia akan sentiasa popular dalam masyarakat majmuk.

Walau bagaimanapun, politik etnik sentiasa akan menimbulkan ketidakpuasan hati kumpulan-kumpulan minoriti kerana kumpulan etnik dominan akan menggunakan kuasa atau hegemoni untuk mendapat segala sumber-sumber ekonomi dan mendiskriminasi terhadap kumpulan minoriti. Oleh itu, ketidakpuasan kumpulan minoriti akan dilepaskan melalui kotak-kotak undi seperti yang berlaku dalam pilihan raya umum Malaysia. Ia kelihatan seperti kumpulan-kumpulan minoriti akan menyokong parti-parti politik yang mempunyai unsur kepelbagaian budaya politik

(*multicultural-based politic*) manakala kumpulan etnik yang dominan akan sentiasa menyokong parti-parti politik yang menjaga kepentingan mereka. Daripada fenomena itu, polarisasi etnik telah berlaku. Kelangsungan politik etnik tidak memberi sebarang maafaat kepada masyarakat majmuk sebaliknya ahli-ahli politik yang mendapat manfaat tersebut.

Lantaran itu, politik pelbagai budaya merupakan salah satu penyelesaian kepada masalah yang telah membelenggui masyarakat majmuk dan mewujudkan persefahaman antara kumpulan-kumpulan etnik. Mengikut Nagy (2014), kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) ialah strategi integrasi nasional yang bertujuan untuk mengabungkan semua kumpulan-kumpulan etnik dengan memberi penekanan kepada hak-hak sivik, kesamarataan, memberi jaminan kepada hak-hak minoriti. Hak-hak minoriti tidak hanya tertumpu kepada hak-hak kumpulan minoriti etnik tetapi ia juga merangkumi skop yang lebih kecil seperti hak-hak wanita.

Sememangnya idea kepelbagaian budaya kelihatan sempurna dalam politik atau idea itu hanya setakat utopia sahaja. Kenapa saya ingin berkata sedemikian? Kerana dalam politik di Malaysia, politik yang berasaskan etnik sentiasa diamalkan secara meluas oleh semua parti-parti politik di Malaysia tidak kira daripada Barisan Nasional mahupun Pakatan Rakyat dalam musim pilihan raya. Terdapat sesetengah parti politik yang menjanjikan penghapusan polisi diskriminasi atau hanya setakat manifesto pilihan raya yang bertujuan untuk meraih sokongan daripada kumpulan sasaran. Pada masa yang sama, Barisan Nasional juga mempunyai unsur-unsur politik pelbagai budaya di mana menekankan kepada perkongsian kuasa antara kumpulan

etnik, pemberian dana dan pengiktirafan kepada pendidikan yang diusahakan oleh kumpulan minoriti.

Kemampuan parti-parti pembangkang untuk mewujudkan politik pelbagai budaya sentiasa menimbulkan persoalan kerana mereka sentiasa memainkan unsur-unsur perkauman untuk memecahbelahkan masyarakat mengikut kumpulan-kumpulan etnik. Perpecahan masyarakat majmuk merupakan perkara yang sangat diingini oleh ahli-ahli politik tersebut kerana mereka boleh mendapat sokongan yang berpanjangan.

Namun demikian, persoalan mengenai perubahan arah politik di Malaysia dan sejauhmana parti-parti pembangkang dapat menyumbang kepada kewujudan politik pelbagai budaya akan sentiasa berada dalam pemikiran setiap orang. Hal ini penting kerana perubahan arah politik akan mewujudkan masyarakat yang sama rata, saksama, dan adil. Oleh itu, penekanan akan ditumpukan ialah “adakah parti politik di Malaysia mengamalkan politik etnik?”. Di samping itu, kajian ini juga akan menumpukan kepada “adakah politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politics*)?”. Sementara itu, “sejauhmanakah parti pembangkang dapat menyumbangkan kepada politik pelbagai budaya” juga akan diambil kira dalam kajian ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian iaitu:

- 1) Untuk meninjau tentang politik etnik di Malaysia.
- 2) Untuk mengkaji sama ada politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*).
- 3) Untuk menilai sama ada parti pembangkang boleh mengubah politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*).

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan kajian iaitu:

- 1) Adakah parti politik di Malaysia mengamalkan politik etnik?
- 2) Adakah politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*)?
- 3) Sejauhmanakah parti-parti pembangkang boleh membawa perubahan kepada politik Malaysia terutamanya berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*)?

1.5 DEFINISI KONSEP

i. KEPELBAGAIAN BUDAYA (*MULTICULTURALISM*)

Konsep kepelbagaian budaya telah bermula sejak Perang Dunia ke-2 akibat daripada beberapa peristiwa sejarah. Antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah pembunuhan beramai-ramai terhadap etnik Yahudi atau peristiwa ‘*holocaust*’, perjuangan anti-penjajahan, kejayaan dekolonisasi, gerakan perjuangan hak-hak sivil etnik negro di Amerika Syarikat, orang asli di bekas negeri peneroka barat, dan pergerakan buruh yang ramai dari ‘Selatan’ ke ‘Utara’. Oleh itu, konsep kepelbagaian budaya sangat berkaitan dengan masalah politik seperti isu-isu budaya, pengiktirafan terhadap minoriti, politik identiti ataupun apa sahaja yang tidak berkaitan dengan tradisional. Di samping itu, kepelbagaian budaya merupakan polisi kerajaan dan ia juga merupakan permintaan aktivis minoriti. Namun, kontemporari kepelbagaian budaya (*contemporary multiculturalism*) dilihat sebagai cabaran kepada norma hegemoni yang lama atau ‘*monoculturalism*’.

Di bawah ialah definisi ‘*multiculturalism*’ yang diberikan oleh Nagy (2014);

“multiculturalism has been defined as a social integration strategy or approach, as well as an overall cultural milieu where society consists of multiple ethnic groups with a mainstream culture that represents a multicultural consensus of norms, values and mores that have been coalesced through an organic compromise with the existing cultural influences or institution-led coalescence” (Nagayoshi, as cited in Nagy).

Nagy (2014) telah menjelaskan bahawa '*multiculturalism*' ialah masyarakat yang mengandungi kepelbagaian budaya dan multi-etnik yang telah digrafkan ke dalam institusi mono-budaya (*mono-cultural institution*) dan rangka kerja budaya (*cultural framework*) dan ia secara beransur-ansur akan memupuk undang-undang yang baru, norma budaya, nilai dan mewujudkan ruang yang dapat menampung dan mensintesiskan arus budaya yang baru dan ia melambangkan fabrik budaya masyarakat yang sentiasa berubah.

Tambahan lagi, Nagy (2014) juga mengatakan bahawa '*multiculturalism fall within the realization of civil rights for all racial groups, provides the impetus to extol liberal values in a broader context, and encompasses a resevoir of minority groups rights including that of women, homosexuals and cultural minority groups....*' (p.161) (Kymlicka, as cited in Nagy). Dalam penjelasannya, *multiculturalism* ialah kesedaran semua kumpulan etnik tentang hak-hak sivil, memberi anjakan dan memuji nilai-nilai liberal dalam konteks yang luas dan ia juga merangkumi hak-hak kumpulan minoriti seperti wanita, perlindungan kebudayaan untuk kumpulan minoriti.

Selain itu, ada seorang penyelidik yang bernama Parekh yang terdapat dalam jurnal Nagy (2014) bercadang bahawa identiti nasional dalam masyarakat majmuk seharusnya ditakrifkan dalam politik-institusi berbanding dengan etno-budaya (*ethno-cultural*) supaya setiap rakyat akan mendapat kedudukan yang serata dalam masyarakat sivil. Selain itu, Mills (2007) juga berhujah bahawa *multiculturalism* ialah '*state policy can clearly be plausibly represented as a necessary part of an anti-racist agenda...*' (p. 93). Oleh itu, pendekatan kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) lebih memberi penekanan kepada kewujudan bersama antara kumpulan etnik.

Malaysia mengamalkan sistem kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) yang hampir sama dengan Indonesia dan Singapura. Menurut Nagy (2014), Malaysia telah mengambil pendekatan yang berlainan dalam kepelbagaian budaya dengan memberi hak-hak istimewa kepada populasi Melayu tetapi pada masa yang sama juga mendukung watak Malaysia yang pelbagai budaya. Walaupun, hak-hak istimewa dan kepelbagaian budaya (*multicultural*) adalah saling bertentangan kerana majoriti etnik Melayu akan menggunakan negara dan agama untuk meningkatkan hak-hak istimewa tersebut, di mana ia akan merugikan masyarakat bukan Islam (Nagy, 2014, p. 167).

ii. POLITIK ETNIK

Politik etnik ialah kuasa yang kuat di mana ia boleh mengancam perpaduan negara. '*Ethnicity is often a form of political identity, and where it does not coincide with state boundaries a source of division*' (Peter & Susan, 2007, p. 323). Oleh itu, identiti etnik sering digunakan dalam politik kerana ia mampu untuk menyatupadukan sesuatu etnik. Menurut Donald (1971), terdapat tiga dimensi dalam politik etnik iaitu perbezaan struktur kumpulan, lokus interaksi politik dan persoalan warna kulit.

a) Perbezaan struktur kumpulan

Dalam politik etnik, terdapat dua jenis perbezaan struktur kumpulan iaitu menegak (*vertical*) dan mendatar (*horizontal*). Sistem menegak bermaksud sistem hierarki yang sinonim dengan kumpulan etnik atau sistem kasta. Mobiliti sosial dan kekuasaan politik sangat terhad dengan ciri-ciri kumpulan etnik seperti warna kulit. Di samping itu, dalam hubungan etnik terdapat kumpulan etnik yang lebih berkuasa daripada kumpulan etnik yang lain atau dikenali sebagai '*superordinate*' dan '*subordinate ethnic*'.

Dibandingkan dengan sistem menegak, sistem mendatar mempunyai struktur yang selari (*parallel structure*) wujud antara kumpulan etnik dan setiap kumpulan etnik mempunyai sistem hierarki yang tersendiri. Secara realiti, persoalan tentang kumpulan etnik yang mana lebih unggul sentiasa wujud antara kumpulan-kumpulan etnik. Menurut Donald (1971), Weber telah menjelaskan bahawa '*the caste structure transforms the horizontal and unconnected coexistences of ethnically segregated*

groups into vertical social system of super and subordination' (Donald, 1971, p. 233). Dalam penjelasan Weber, sistem mendatar boleh berubah wajah dari kumpulan-kumpulan etnik yang sama rata kepada sistem menegak. Struktur kasta akan membawa pemikiran yang beranggapan bahawa kumpulan etniknya lebih unggul dari kumpulan etnik yang lain atau menganggap kumpulan etniknya merupakan kasta yang istimewa. Oleh itu, sentiasa ada kekaburan antara idea kewujudan bersama etnik (*ethnic coexistence*) dan subordinasi etnik (*ethnic subordination*). Konflik etnik dalam sistem mendatar melibatkan penyingkiran sesuatu kumpulan etnik daripada kuasa dan seterusnya membentuk kekuasaan satu kumpulan etnik '*ethnically homogenous status quo ante*' (Donald, 1971, p. 235).

Dalam sistem menegak pula, hubungan menegak sentiasa akan wujud dalam beberapa elemen seperti perpaduan sosial atau paksaan dan konflik. Menurut Donald (1971), '*there may be a more or less explicit "premise of inequality". Benefit, such as increased personal security and even limited leeway for maneuver among competing superior, usually accrue to those of subordinate status who accept the premise most completely*' (Donald, 1971, p. 234). Dalam sistem menegak, terdapat unsur-unsur ketidakadilan tetapi ia juga dapat memberi kebaikan seperti keselamatan individu dan ia seterusnya dapat menghadkan usaha untuk mencabar golongan atasan (*superior*) dan pada masa yang lama kumpulan subordinasi akan menerima kekuasaan tersebut. Selain itu, konflik etnik dalam sistem menegak juga mengandungi kelas warna.

b) Lokus interaksi politik

Perkara yang akan diutamakan dalam bahagian ini ialah sama ada kegiatan politik antara kumpulan ialah bersifat '*parochial*' atau nasional. Setiap kumpulan etnik akan mengambil bahagian dalam sistem politik dan sentiasa berusaha untuk menang dalam pilihan raya, mencari peluang perniagaan melalui badan perantaraan kerajaan, kempen untuk mendapat pengiktirafan kebangsaan dalam linguistik atau bahasa, dan termasuk autonomi di kawasan mereka.

Perbezaan antara kumpulan etnik merupakan penghalang kepada perpaduan. Oleh itu, kebanyakan pemimpin nasionalis mendapati sukar untuk menghadapi masyarakat yang pelbagai atau majmuk kerana mereka sentiasa akan bergerak ke arah yang berlainan. Di samping, identiti kumpulan dalam sistem itu akan berpecah-belah dan lebih cenderung kepada parokial (*parochial*).

c) Persoalan Warna Kulit

Perkataan 'bangsa' dan 'etnik' boleh silih berganti dan perkataan 'bangsa' atau *race* lebih menumpu kepada perbezaan warna kulit. Menurut Donald (1971, p. 240), '*color differences are capable of arousing uniquely intense emotions and loyalties among the participations, or to serving as unusually reliable signs of identity*'. Warna kulit mempunyai kemampuan untuk membangkitkan emosi dan mengekalkan kesetiaan pengikut atau dipercayai sebagai tanda yang luar biasa dan ia dapat berkhidmat untuk identiti. Oleh itu, perkara ini dikenali sebagai etnosentrik (*ethnocentric*).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat dua jenis politik yang sering wujud dalam masyarakat majmuk iaitu politik etnik dan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Adakah kedua-dua jenis politik itu berlaku di Malaysia sentiasa menimbulkan persoalan di kalangan penyelidik. Matlamat utama yang terdapat dalam kajian ini ialah mengkaji tentang impak pilihan raya umum 2013 terhadap politik Malaysia impak yang dimaksudkan ialah ‘sama ada Politik Malaysia berubah dari politik etnik ke politik pelbagai budaya’. Kebanyakan penyelidik menyedari trend baru yang telah wujud dalam politik Malaysia iaitu kebangkitan Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 2008 dan menjangka Pakatan Rakyat dapat menyumbang kepada pembentukan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) di Malaysia.

Dengan memberi perhatian kepada parti pembangkang merupakan tugas utama kerana ia seiring dengan objektif dan persoalan kajian. Tanggungjawab yang utama ialah untuk memberi penekanan kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) kerana ia merupakan politik yang bersifat adil, tidak berasaskan etnik, saksama, dan seterusnya membawa kepada pembentukan demokrasi yang matang. Demokrasi yang matang ialah demokrasi yang tidak berasaskan kumpulan etnik sebaliknya memberi penekanan kepada kepentingan bersama antara kumpulan etnik. Terdapat juga segelintir penyelidik berpendapat bahawa politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) mempunyai unsur-unsur anti-perkauman.

Selain itu, politik etnik merupakan politik yang berasaskan polarisasi etnik atau pecahan masyarakat mengikut kumpulan-kumpulan etnik. Politik etnik selalunya akan memobilisasikan sentimen perkauman untuk meraih sokongan kumpulan etnik tertentu. Unsur-unsur keganasan dan permusuhan akan digunakan dalam permainan politik. Oleh itu, politik etnik dapat mengancam keharmonian dan keamanan dalam negara. Tambahan lagi, politik etnik yang diamalkan secara berleluasa akan menyumbang kepada perkara penindasan dan ketidakadilan kepada kumpulan minoriti etnik. Contohnya, kerajaan junta Myanmar telah mengamalkan politik perkauman di mana kerajaan selalu melakukan kekejaman terhadap etnik minoriti terutamanya masyarakat Muslim dan Kristian dan menafikan hak-hak sivil kumpulan minoriti etnik. Sesungguhnya, perkara sebegini perlu dibendung sebelum ia berlaku di Malaysia kerana ia tidak akan memberi maafaat kepada sesiapaupun.

Dalam politik Malaysia, Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat merupakan parti-parti yang mengamalkan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) tetapi masih mempunyai unsur-unsur etnik. Sesungguhnya, parti-parti politik yang terdapat dalam BN dan PR merupakan parti-parti politik etnik seperti UMNO, MCA, MIC, DAP, PAS dan PKR. Kebanyakan komponen parti dalam BN dan PR merupakan parti yang berasaskan kumpulan etnik. contohnya, UMNO, MCA, MIC, PAS dan DAP. Kedua-dua parti pakatan menggunakan formula yang sama iaitu menggunakan sentimen perkauman untuk meraih sokongan padu dari kumpulan etnik yang tertentu. Contohnya, MCA akan menggunakan masalah-masalah masyarakat Tionghua seperti masalah pendidikan untuk mendapatkan sokongan politik. Tambahan lagi, Moten & Mohktar (2006) telah menjelaskan dengan teliti

bahawa Malaysia ialah sebuah negara multi-etnik kerana setiap etnik mempunyai wakil-wakil dalam pemerintahan negara dan berfungsi untuk menjaga kepentingan etnik masing-masing.

Kesimpulannya, politik etnik akan memberi banyak keburukan kepada negara berbanding dengan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) kerana politik etnik sentiasa akan menyumbang kepada konflik antara kumpulan etnik dan mengancam keharmonian dalam negara. Manakala, politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) dapat membawa kepada kesaksamaan, keadilan dan membentuk demokrasi yang matang.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini lebih mengutamakan politik Malaysia dengan mencari jawapan sama ada politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) selepas pilihan raya umum 2013. Selain itu, kajian ini akan mengkaji sama ada parti-parti politik di Malaysia mengamalkan politik etnik dan kemudiannya menerokai sama ada parti pembangkang mampu untuk mengubah politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) atau tidak.

1.8 LIMITASI

Setiap kajian mempunyai batasannya. Objektif utama dalam kajian ini ialah untuk mengkaji sama ada politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) selepas pilihan raya umum 2013. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang penyelidik menulis jurnal dalam bidang ini seperti Liow & Afif (2010), Berger (2010), dan Moten (2009). Dalam jurnal yang ditulis oleh Liow dan Afif (2010) mempunyai persamaan dengan kajian saya tetapi mereka tidak menjelaskan dengan terperinci sama ada Pakatan Rakyat boleh membawa perubahan kepada politik Malaysia atau tidak. Dalam jurnal mereka lebih menekankan kepada keputusan pilihan raya 2008. Selain itu, kekurangan bahan mengenai politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) juga menyukarkan saya untuk menyiapkan kajian ini.

1.9 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini mengandungi lima bahagian iaitu pengenalan, ulasan karya, metodologi, dapatan kajian dan rumusan dan kesimpulan. Setiap bab akan menghuraikan isi-isi dan sentiasa ada kesinambungan dari satu bab ke bab yang lain. Dalam bab satu, terdapat latar belakang kajian yang menumpukan kepada sejarah perkembangan politik yang berasaskan kumpulan etnik di Malaysia dan menjelaskan tentang parti komponen yang baru iaitu Pakatan Rakyat. Selain itu, jadual komposisi etnik telah diletakkan dan ia bermula dari tahun 1960 sehingga 2013. Antara kumpulan-kumpulan etnik ialah Melayu, Bumiputera yang lain, Tionghua, India, dan

lain-lain. Seterusnya bab satu juga memberi definisi tentang politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) dan politik etnik (*ethnic politic*). Pernyataan masalah, kepentingan kajian, skop kajian, had kajian, pembahagian bab juga terdapat dalam bab satu.

Bab yang kedua ialah ulasan karya yang memberi penekanan kepada penggunaan jurnal dan buku. Terdapat 15 buah jurnal dan sebuah buku telah digunakan untuk menulis bab ini. Bab kedua merupakan pengumpulan maklumat-maklumat penting tentang kajian yang hendak dilakukan. Oleh itu, bab ini hanya akan mengekstrak isi-isi penting sahaja. Antara isi-isi penting yang terdapat dalam ulasan karya ialah politik etnik, peristiwa-peristiwa sejarah, kekuasaan atau hegemoni UMNO, dasar ekonomu baru (DEB), isu-isu diskriminasi, keputusan pilihan raya umum, corak pengundian, kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) dan lain-lain lagi.

Bab yang ketiga ialah metodologi yang menekankan kepada cara-cara atau kaedah yang akan digunakan untuk mengkaji atau mencari jawapan bagi persoalan kajian yang timbul. Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini ialah analisis kandungan (*content analysis*). Data primer dan data sekunder yang akan digunakan ialah temuramah melalui email dan akhbar dalam talian (*online newspaper*). Bahagian-bahagian yang lain ialah reka bentuk kajian, sampel, prosedur mengumpulkan data, dan teknik menganalisis data.

Bab yang keempat ialah dapatan kajian. Bab keempat akan memberi penekanan kepada hasil yang didapati daripada data primer dan data sekunder. Justeru, dapatan kajian merupakan jawapan yang ingin dicarikan dan seharusnya seiring

dengan persoalan kajian. Dalam bab ini, terdapat pengenalan dan 3 persoalan kajian yang akan dijawab.

Bab yang kelima ialah rumusan dan kesimpulan. Bahagian ini merupakan analisis terhadap data-data yang telah dikumpulkan dan digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Manakala, kesimpulan merupakan bahagian untuk mengakhiri kajian yang telah dilakukan.

BAB 2

2.1 ULASAN KARYA

Sejak kemerdekaan lagi, parti-parti politik di Malaysia telah mengamalkan politik yang berasaskan kumpulan etnik. Idea-idea utama yang ditekankan oleh penyelidik ialah politik etnik, perkongsian kuasa, polarisasi etnik, dasar ekonomi baru (DEB), dan kebangkitan parti pembangkang seperti Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 2008. Kebangkitan Pakatan Rakyat dijangka dapat memberi dimensi yang baru dan membentuk politik yang baru iaitu politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Walau bagaimanapun, saya telah mengenalpasti bahawa kebanyakan penyelidik melakukan kajian di luar negara dan sedikit sahaja kajian yang dilakukan oleh penyelidik tempatan. Saya telah menggunakan 15 jurnal dan sebuah buku untuk menulis ulasan karya. Selain itu, saya menyedari bahawa 10 daripada 15 jurnal ditulis oleh penyelidik asing manakala penyelidik-penyelidik tempatan hanya menulis lima buah jurnal sahaja. Sementara itu, terdapat tiga orang penyelidik yang menulis buku yang berjudul “*March 8: Eclipsing May 13*” dan karya mereka telah diterbitkan di Institut Pengajian Asia Tenggara (*Institute of Southeast Asian Studies*).

Dengan itu, kebanyakan penyelidik asing telah mengkritik Barisan Nasional atau parti UMNO dalam isu-isu diskriminasi terhadap minoriti dan penyelidik asing selalunya mengabaikan konsep perkongsian kuasa yang diamalkan oleh Barisan Nasional. Sebaliknya, penyelidik tempatan lebih bersifat neutral, yakin dan memberi penekanan kepada perkongsian kuasa yang telah diamalkan sehingga sekarang.

Apakah bidang akademik yang diceburi oleh penyelidik tersebut? Antara bidang-bidang akademik yang diceburi oleh penyelidik ialah sains politik, pengajian antarabangsa dan ekonomi. Metodologi yang digunakan oleh penyelidik tersebut ialah perubahan undi antara kumpulan etnik, pindaan sistem pilihan raya, pluralisme, *consociationalism*, peristiwa-peristiwa sejarah, trend mengundi, manifesto pilihan raya umum 2013 dan keputusan pilihan raya umum yang lepas.

Secara khususnya, terdapat tiga kumpulan penyelidik dalam ulasan karya yang berdasarkan isu-isu yang dikemukakan oleh mereka. Kumpulan penyelidik yang pertama lebih menekankan kepada peristiwa 13 Mei, kekuasaan atau hegemoni UMNO, dasar ekonomi baru (DEB), dan hak-hak istimewa etnik Melayu. Menurut Chin (2008), kuasa politik etnik Tionghua semakin terhakis selepas kemerdekaan dan telah dipinggirkan dari persamaan politik. Seterusnya, beliau juga menerangkan bahawa sistem pemerintahan yang baru diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei dan Bumiputera telah dikurniakan 'kedudukan istimewa' yang mengandungi dasar keutamaan (*preferential policy*) dan sistem kuota. Tambahan lagi, dasar ekonomi baru (DEB) telah diwujudkan untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara kumpulan-kumpulan etnik. Akibatnya, parti-parti politik Tionghua seperti MCA dan Gerakan mula kehilangan kuasa atau sokongan dari masyarakat Tionghua selepas pelaksanaan DEB.

Selain itu, pindaan Akta Hasutan dan undang-undang yang lain turut menyumbang kepada kekuasaan atau hegemoni UMNO dalam politik. Chin (2008) telah menggunakan peristiwa-peristiwa sejarah sebagai metodologinya. Manakala, Osman (2012) juga berkongsi pandangan dengan Chin (2008) dengan memberi

penekanan kepada dasar keutamaan dan menganggap dasar keutamaan tersebut telah menghakis hak-hak masyarakat Tionghua. Selepas itu, beliau juga menerangkan bahawa masyarakat majmuk merupakan penyumbang masalah kepada pembinaan negara dan mengkaji tentang hegemoni UMNO dalam aspek politik, ekonomi, dan kebudayaan. Metodologi yang digunakan oleh Osman (2012) ialah pluralisme.

Selain itu, Haque (2003) berhujah bahawa negara akan bertindak untuk memenuhi kehendak kumpulan etnik yang dominan dengan menjalankan dasar yang boleh memburukkan lagi bukannya untuk mengurangkan ketegangan antara etnik dan seterusnya melakukan tindakan ganas terhadap etnik minoriti. Tanpa sangsi, kebanyakan polisi di Malaysia adalah dipengaruhi oleh sentimen perkauman dan seterusnya akan melabelkan Malaysia sebagai negara etnokratik dan demokrasi etnik. Tambahan lagi, Haque (2003) juga menerangkan bahawa etnisisasi (*ethnization*) telah berlaku dalam politik, pentadbiran, perniagaan, ekonomi, pendidikan, bahasa, agama dan budaya. Dasar keutamaan adalah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada ketegangan antara kumpulan etnik.

Balasubramaniam (2006) menerangkan sejak zaman kolonial British kebanyakan elit-elit dari parti perikatan tidak akan membangkitkan isu-isu mengenai hak istimewa Bumiputera, agama Islam sebagai agama rasmi, dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Tambahan lagi, kebanyakan ahli-ahli politik akan memobilisasikan etnik untuk mendapat sokongan politik. Dengan adanya DEB, ahli politik UMNO telah berjaya mengekalkan kekuasaan dengan menekankan kepada ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik dan menyusun semula masyarakat Malaysia.

Selain itu, Balasubramaniam (2006) juga menceritakan tentang ketidakseimbangan pertumbuhan antara negeri-negeri, isu-isu pendidikan swasta, dan trend struktur pekerjaan. Walaupun UMNO telah membubarkan dasar ekonomi baru (DEB) dengan menggantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) tetapi masih mengekalkan cara lama DEB. Balasubramaniam (2006) menggunakan keputusan pilihan raya umum 1999 dan 2004 sebagai metodologinya.

Lim (2002) juga memberi perhatian kepada pilihan raya umum dan politik hegemoni UMNO. Untuk memelihara kekuasaan UMNO, UMNO dan Suruhanjaya Pilihan Raya telah melantik semula kawasan parlimen (*reappointment of parliament seat*) dan menyusun semula sempadan kawasan pilihan terutamanya di kawasan yang berbilang kaum. Oleh itu, UMNO dapat meluaskan pengaruh ke Sabah. Metodologi yang digunakan oleh Lim (2002) ialah pindaan sistem pilihan raya.

Tambahan pula, Singh (2001) juga menerangkan bahawa konflik etnik sentiasa serius dan berlaku di Malaysia, di mana ia dapat memberi maafaat kepada parti pemerintah. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah menggantikan DEB dengan tidak merujuk kepada etnik kuota pada tahun 1990. Di samping itu, idea multi-etnik telah berkembang luas dalam organisasi bukan kerajaan pada era 1990 an. Kemunculan kelas pertengahan etnik Melayu telah menyeberangi sempadan etnik dan sentiasa menyuarakan ketidakpuasan terhadap pembahagian sumber kerajaan. Metodologi yang digunakan oleh Singh (2001) ialah tiga penyokong konsokiasionalisme (*three proponents of consociationalism*).

Secara kesimpulannya, saya menyadari bahawa kebanyakan penyelidik asing selalunya mengkritik kerajaan Barisan Nasional dan parti UMNO kerana kekuasaan atau hegemoni UMNO dan diskriminasi terhadap kumpulan minoriti dari segi pendidikan, ekonomi, bahasa dan lain-lain. Secara realitinya, masyarakat bukan Bumiputera masih bebas untuk melakukan aktiviti masing-masing dan mempunyai hak-hak dalam pendidikan, politik, perniagaan, dan lain-lain. Oleh itu, saya berpendapat bahawa pemikiran penyelidik tersebut bersifat berat sebelah dan kurang memahami politik Malaysia. Jikalau kerajaan Malaysia mengamalkan sistem perkauman, situasi negara akan berubah seperti Myanmar di mana kerajaan Myanmar sentiasa mendiskriminasi terhadap kumpulan etnik minoriti dan melakukan ketidakadilan terhadap etnik minoriti. Contohnya: Kerajaan Myanmar menafikan status kerakyatan kepada kumpulan minoriti.

Untuk kumpulan penyelidik–penyelidik yang kedua, mereka lebih tertumpu kepada keputusan pilihan raya umum, ciri-ciri Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, perubahan arah pengundi (*swing of voter*), politik etnik dan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Menurut Lian & Appudurai (2011), keputusan pilihan raya umum 2008 telah menyebabkan BN kehilangan majoriti dua-pertiga di parlimen dan kalah lima buah negeri kepada Pakatan Rakyat. Keputusan pilihan raya umum 2008 berpunca dari perubahan arah pengundi (*swing of voter*). Khususnya, masyarakat Malaysia telah berpecah kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang pertama lebih berfokus kepada kepentingan sesuatu etnik manakala kumpulan yang kedua lebih berfokus kepada kelas atau kepentingan ekonomi. Kumpulan yang kedua merupakan faktor utama mendorong pengundi untuk

mengundi Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun, kebanyakan kumpulan etnik mengundi parti pelbagai budaya (*multicultural-based party*) tetapi ia tidak akan membawa kepada pengakhiran politik etnik. Lian & Appudurai (2011) menggunakan keputusan pilihan raya umum 2008 dan perubahan arah pengundi (*swing of voter*) sebagai metodologinya.

Tambahan lagi, Fuad, Junaidi, Buang, Selvadurai, Er & Lyndon (2011) menerangkan bahawa pilihan raya umum di Malaysia selalu bertanding dalam garis perkauman dan sikap pengundi selalu terikat dengan etnisiti atau kaum aritmetik. Oleh itu, kebanyakan parti-parti politik akan menilai komposisi etnik di sesuatu kawasan sebelum meletakkan calon bertanding mereka. Sementara itu, Moten (2009) juga membandingkan keputusan pilihan raya umum 2004 dan 2008. Dengan itu, beliau telah menyedari bahawa kebanyakan pengundi Tionghua dan India mengundi Pakatan Rakyat. Sesungguhnya, kesan dari DEB merupakan faktor utama yang mendorong pengundi bukan Bumiputera untuk mengundi Pakatan Rakyat. Manifesto Pakatan Rakyat telah menarik minat pengundi bukan Bumiputera untuk mengundi PR kerana mereka menjanjikan untuk menghapuskan polisi negara yang bersifat diskriminasi. Metodologi yang digunakan oleh Moten (2009) ialah keputusan pilihan raya umum 2004 dan 2008.

Selain itu, Berger (2010) berhujah bahawa keputusan pilihan raya umum 2008 merupakan tsunami politik dan beranggapan bahawa peralihan politik sedang berlaku di Malaysia. Sekali lagi, beliau juga menerangkan bahawa peristiwa 13 Mei telah menyumbang kepada kebangkitan nasionalis Melayu yang lebih menekankan kepada ketuanan Melayu. Tambahan lagi, beliau berhujah bahawa terdapat peluang

yang cerah untuk menekan kepada politik bukan etnik kerana kebanyakan undian pendapat lebih mementingkan isu ekonomi berbanding dengan masalah perkauman. Seterusnya, kebangkitan parti-parti pembangkang seperti PAS dan DAP dijangka dapat menamatkan sistem hegemoni. Berger (2010) menggunakan keputusan pilihan raya umum 2008 dan peratus popular bagi parti-parti politik sebagai metodologinya.

Moniruzzaman (2013) berpendapat bahawa kemunculan Pakatan Rakyat akan menyumbang kepada persaingan antara dua parti pakatan seperti BN dan PR. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa kejayaan UMNO dalam mengekalkan kekuasaan adalah bergantung kepada sokongan majoriti daripada etnik Melayu dan Bumiputera yang lain dari Sabah dan Sarawak. Kebanyakan pengundi Tionghua menyokong DAP dan komponen parti pembangkang yang lain telah menyebabkan Najib Razak untuk mengelarnya sebagai 'Tsunami Cina'. Akibatnya, keputusan pilihan raya umum telah membuktikan bahawa sentimen perkauman masih berpengaruh dalam corak pengundian pilihan raya Malaysia. Tambahan lagi, beliau juga menyedari bahawa Pakatan Rakyat juga beroperasi dalam garis perkauman. Metodologi yang digunakan oleh Moniruzzaman (2013) ialah keputusan pilihan raya umum 2013.

Manakala, Maznah (2008) juga mempunyai pendapat yang sama dengan Moniruzzaman (2013) di mana beliau berpendapat bahawa parti-parti pembangkang merupakan parti yang berasaskan etnik dan bersaing atas nama etnik. Sudah tentunya, Pakatan Rakyat juga menjuarai kepentingan etnik masing-masing seperti DAP berjuang untuk etnik Tionghua, PAS untuk etnik Melayu dan PKR juga dikenali sebagai parti Melayu. Menurut Maznah (2008), UMNO parti selalu bermain dengan

masalah perkauman, agama, dan seksual skandal untuk menjatuhkan imej pemimpin PKR. Peratus perubahan arah pengundi (*swing of voter*) ialah India (35%), Tionghua (30%) dan Melayu (5%). Metodologi yang digunakan oleh Maznah (2008) ialah perubahan arah pengundi (*swing of voter*).

Tambahan lagi, Liow & Pasuni (2010) juga menerangkan bahawa kemunculan parti pelbagai budaya (*multicultural-based party*) seperti Pakatan Rakyat dapat menyuntik harapan yang baru di mana ianya dapat bertolak dari perkauman, polarisasi etnik, politik wang, dan naungan kepada keadilan, akauntabiliti dan demokrasi yang adil. Selain itu, keputusan pilihan raya umum 2008 telah menunjukkan trend silang mengundi di antara kumpulan etnik. Contohnya, pengundi Tionghua mengundi PAS dan pengundi Melayu mengundi DAP. Oleh itu, keputusan pilihan raya umum 2008 dapat mendorong Malaysia untuk menuju ke arah demokrasi yang matang dan multi-etnik. Namun, Liow & Pasuni (2010) mendapati kedua-dua parti pakatan seperti BN dan PR merupakan parti yang berasaskan etnik. Liow & Pasuni (2010) menggunakan trend undi kumpulan etnik sebagai metodologi mereka.

Khadijah & Halimah (2008) juga menerangkan bahawa pada 1990-an Barisan Alternatif telah muncul sebagai pesaing kepada Barisan Nasional. Ciri-ciri Barisan Alternatif ialah parti yang bersifat multi-etnik dan pelbagai agama di mana ia dapat membawa Malaysia ke arah bersatu, demokrasi dan saksama. Kemudiannya, Khadijah & Halimah juga mendapati 80% responden berfikir bahawa parti pembangkang boleh membantu dalam menangani masalah dan menjaga kepentingan masyarakat.

Selain itu, Saravanamuttu (2008) berhujah bahawa hampir setiap kumpulan etnik di semenanjung Malaysia telah mengundi Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 2008. Oleh itu, PR berjaya untuk melucutkan majoriti dua pertiga dalam parlimen dan merosakkan formula perkongsian kuasa yang berasaskan etnik. Walau bagaimanapun, beliau juga menegaskan bahawa politik di Malaysia masih berasaskan mobilisasi etnik dan hampir setiap struktur parti politik berasaskan etnik. Tambahan lagi, setiap pilihan raya umum di Malaysia adalah didorong dan dimotivasikan oleh sentimen etnik. Saravanamuttu (2008) telah menggunakan trend pengundi antara kumpulan etnik sebagai metodologinya.

Realitinya, kemunculan Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 2008 untuk membawa politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya adalah jelas tetapi isu-isu yang dibawa oleh mereka telah merosakkan keharmonian dan perpaduan antara kumpulan etnik. Tambahan lagi, permainan politik DAP telah mengakibatkan perpecahan atau polarisasi etnik di mana kebanyakan etnik Melayu akan memihak kepada kerajaan manakala etnik Tionghua akan memihak kepada parti pembangkang. Adakah situasi sebegini merupakan harapan yang diharapkan oleh penduduk Malaysia? Sudah tentunya tidak, situasi tersebut akan merosakkan keharmonian dan hubungan antara kumpulan etnik pada masa depan.

Sejak zaman kolonial British, kebanyakan parti-parti politik di Malaysia telah bertanding pada garis perkauman dan merupakan trend yang sukar untuk diubah. Selain itu, setiap etnik berasa lebih selesa untuk mengundi calon yang berasal daripada kumpulan etnik yang sama. Contohnya, pengundi Melayu akan mengundi UMNO atau PAS, manakala pengundi Tionghua dan India akan mengundi MCA,

MIC, Gerakan, DAP dan PKR. Walau bagaimanapun, parti pembangkang seperti Pakatan Rakyat juga terpaksa menimbang komposisi etnik sebelum meletakkan calon bertanding di sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Sesungguhnya, kebanyakan penyelidik menjangka bahawa kemunculan parti pembangkang dapat mengubah politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) adalah kenyataan yang salah kerana ia akan menyebabkan hubungan antara kumpulan etnik akan menjadi teruk jika dibandingkan dahulu atau memburukan lagi politik etnik. Nescaya, usaha untuk memelihara kestabilan negara adalah lebih penting. Tambahan lagi, Moniruzzaman (2013), Lian & Appudurai (2011), dan Maznah (2008) berhujah bahawa mengundi untuk parti pembangkang tidak akan menamatkan politik etnik sebaliknya parti pembangkang juga merupakan parti-parti yang berasaskan kumpulan etnik.

Kumpulan penyelidik yang ketiga lebih berfokus kepada perkongsian kuasa dan perpaduan. Menurut Kartini, Nidzam, Wan, Siti, Ermy & Rasyid (2013), rakyat Malaysia ialah masyarakat yang kompleks dan pluralisme. Oleh itu, perkongsian kuasa ialah satu keperluan bagi semua etnik untuk mengeratkan kerjasama dan mengelakkan permusuhan. Model *consociationalism* sangat sesuai untuk semua kumpulan etnik yang berebut untuk mendapatkan sumber yang terhad. Walau bagaimanapun, perkongsian kuasa adalah sangat penting untuk semua etnik kerana mereka dapat menyuarakan masalah yang dihadapi oleh mereka. Metodologi yang digunakan oleh mereka ialah peristiwa-peristiwa sejarah. Kartini, Nidzam, Wan, Siti, Ermy & Rasyid (2013) merupakan penyelidik yang berfokus kepada kepentingan perkongsian kuasa, kerjasama dan perpaduan.

Kesimpulannya, kebanyakan penyelidik memberi perhatian kepada sejarah perkembangan politik etnik dengan menjelaskan tentang hegemoni UMNO dalam pemerintahan negara dan mengkritik parti tersebut dalam isu-isu minoriti etnik kerana mereka beranggapan parti UMNO melakukan diskriminasi terhadap minoriti etnik terutamanya dalam isu-isu pendidikan, agama, kebudayaan, bahasa dan lain-lain lagi. Antara penyelidik-penyelidik tersebut ialah Osman (2012), Berger (2010), Chin (2008), Balasubramaniam (2006), Haque (2003) dan Singh (2001). Manakala, terdapat juga segelintir penyelidik lebih menekankan kepada perkongsian kuasa, perpaduan, politik pelbagai budaya, keputusan pilihan raya umum, dan kebangkitan parti pembangkang yang dijangka dapat menyumbang kepada demokrasi yang matang. Walau bagaimanapun, mereka tidak menumpukan perhatian kepada persoalan yang penting iaitu sama ada politik Malaysia berubah dari politik etnik kepada politik pelbagai budaya selepas pilihan raya umum 2013 dan sejauhmanakah parti pembangkang boleh mengubah politik Malaysia iaitu ke arah politik pelbagai budaya. Oleh itu, saya akan melakukan kajian dalam skop yang tidak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik tersebut.

Dalam bab metodologi, saya akan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) untuk pengekodan (*coding*) untuk mencari jawapan bagi persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Manakala, data primer saya ialah temuramah melalui email dan data sekunder ialah akhbar dalam talian (*online newspaper*) dan buletin dalam talian (*online bulletin*). Terdapat tujuh buah akhbar dalam talian yang akan digunakan ialah *The Star online*, *Berita Harian Online*, *Sinar Harian*, *Roketkini.com*, *Harakahdaily*, *The Malaysian Insider* dan *My sinchew.com*. Di

samping itu, buletin dalam talian yang diterbitkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang juga akan digunakan. Individu yang akan ditemuramah melalui email ialah ahli politik dari BN dan PR. Skop data-data daripada akhbar dalam talian lebih berfokus kepada pilihan raya umum 2013.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Pada bab yang lepas, kebanyakan penyelidik telah melakukan kajian terhadap politik Malaysia dari segi politik etnik, keputusan pilihan raya umum, kebangkitan parti-parti pembangkang, trend pengundi dan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Kebanyakan penyelidik asing mempunyai perspektif yang berlainan dengan penyelidik tempatan. Selain itu, isu-isu yang dibangkitkan oleh penyelidik ialah hegemoni UMNO dalam kerajaan dan pentadbiran, diskriminasi terhadap minoriti, kelemahan parti-parti politik Tionghua seperti MCA & Gerakan, perkongsian kuasa yang berasaskan etnik, multi-etnik dalam Barisan Nasional, keputusan pilihan raya umum dan perubahan trend mengundi di kalangan kumpulan etnik. Kaedah yang sesuai untuk kertas projek ini ialah temuramah melalui email dan sampelnya ialah ahli-ahli politik dari Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dan akhbar dalam talian. Terdapat empat sub-topik dalam bab metodologi ialah reka bentuk kajian, sampel, prosedur pengumpulan data dan teknik analisis data.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN


Menurut Bhattacharjee (2012), reka bentuk kajian merupakan pelan yang komprehensif untuk mengumpul data untuk projek penyelidikan yang empirikal. Sudah tentunya, reka bentuk kajian akan memberi arah untuk menjawab persoalan kajian atau menguji hipotesis. Tambahan lagi, Johnson & Reynolds (2012) berhujah bahawa reka bentuk kajian merupakan pelan yang dapat menunjukkan niat seorang penyelidik untuk mengkaji persoalan empirikal. Ia akan menunjukkan apakah jenis isu atau fenomena akan diuji, apakah analisis unit yang akan diuji, apakah cara atau kaedah yang digunakan, bagaimana untuk mengumpul maklumat dan apakah jenis kaedah analisis yang digunakan.

Terdapat dua jenis kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif akan berfokus kepada statistik atau angka manakala kualitatif akan berfokus kepada temuramah, pemerhatian, dan pengekodan (*coding*). Untuk kajian ini, saya akan menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini berdasarkan temuramah melalui email dan pengekodan data daripada akhbar dalam talian. Selain itu, dua jenis data dalam kajian ini ialah temuramah dan akhbar dalam talian. Kaedah temuramah melalui email merupakan data primer manakala akhbar dalam talian merupakan data sekunder.

Apa itu temuramah? Menurut Minichiello, Aroni, Timewell & Alexander (1995), temuramah ialah pertukaran lisan atau komunikasi dua hala, dimana seorang merupakan penemuduga yang berfungsi untuk mendapat maklumat, pendapat atau kepercayaan daripada individu yang tertentu. Oleh itu, temuramah merupakan kaedah

yang langsung untuk mendapatkan pendapat dari seseorang atau sekumpulan orang tentang sesuatu isu atau fenomena. Rakaman temuramah dibahagikan kepada pita rakaman dan nota pengambilan.

Data sekunder ialah akhbar dalam talian dan buletin dalam talian seperti Sinar Harian, Berita Harian *Online*, *The Star online*, *Rocketkini.com*, *Harakahdaily*, *The Malaysian Insider*, *My sinchew.com* dan Buletin Mutiara. Menurut Bhattacharjee (2012), data sekunder ialah data analisis yang sebelum ini telah dikumpulkan dan dijadualkan menurut sumber-sumber lain dan ia merupakan sumber yang sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Kebanyakan akhbar dalam talian diterbitkan semasa pilihan raya umum 2013. Oleh itu, akhbar dalam talian akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Di bawah ialah graf proses kajian:



3.3 SAMPEL

Menurut Bhattacharjee (2012), kita tidak boleh mengkaji keseluruhan populasi kerana kebolehlaksanaan dan kekangan kos. Oleh itu, kita hanya perlu memilih wakil sampel daripada keseluruhan populasi dan sampel haruslah berkaitan dengan pemerhatian dan analisis kajian. Sudah tentunya, sebagai penyelidik hanya perlu memilih sampel yang kecil dan anggap ianya sebagai wakil populasi. Contohnya, menemuramah individu yang terlibat dengan kajian saya.

Apa itu persampelan bertujuan (*purposive sampling*)? Menurut Johnson & Reynolds (2012), persampelan bertujuan ialah penyelidik akan berfokus untuk melakukan kajian terhadap sampel yang kecil berbanding yang luas dan ia lebih menekankan kepada pengedaran untuk menganalisis wakil sampel daripada keseluruhan populasi. Ia bermaksud untuk melakukan kajian terhadap sampel yang kecil. Contohnya, ahli-ahli politik merupakan wakil populasi yang dipilih semasa pilihan raya umum.

Dalam temuramah melalui email, satu set soalan temuramah yang lengkap akan disediakan dan dikirimkan kepada ahli-ahli politik melalui email. Pengiriman soalan temuramah melalui email disebabkan oleh masalah kebolehlaksanaan dan kekangan kos. Tambahan lagi, soalan temuramah melalui email telah dikirim kepada 50 orang ahli politik dari pelbagai parti politik. Ada di kalangan mereka merupakan ahli senator, ahli parlimen, menteri, dan ahli dewan undangan negeri (ADUN). Tarikh pengiriman soalan temuramah kepada ahli politik

melalui kaedah email telah bermula dari 3 April 2014 sehingga 17 April 2014. Tetapi hanya seorang ahli politik yang menjawab soalan temuramah melalui email ini iaitu YB Phee Boon Poh (ADUN Pulau Pinang).

3.4 PROSEDUR MENGUMPULKAN DATA

Dalam kajian ini, data akan dikumpulkan dari temuramah melalui email, akhbar dalam talian dan buletin dalam talian. Data primer ialah temuramah melalui email dan data sekunder ialah akhbar dalam talian dan buletin dalam talian. Temuramah merupakan kaedah yang sesuai untuk mendapatkan pandangan kerana ahli-ahli politik tersebut mempunyai pengetahuan dan ilmu mengenai politik Malaysia. Masa 15 hari telah diberikan kepada ahli-ahli politik daripada pelbagai parti politik tetapi hanya seorang ahli politik sahaja yang menjawab soalan temuramah tersebut dan jawapan tersebut telah dikumpulkan melalui email.

Tambahan lagi, data sekunder ialah akhbar dalam talian yang dikumpulkan melalui internet Google dengan menggunakan wifi UUM. Terdapat tujuh buah akhbar yang digunakan ialah Sinar Harian, Berita Harian *Online*, *The Star online*, *Rocketkini.com*, *Harakahdaily*, *The Malaysian Insider* dan *My sinchew.com*. Di samping itu, Buletin Mutiara yang diterbitkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang juga akan digunakan sebagai data sekunder. Lingkungan masa akhbar dalam talian bermula 4 Mei 2013 sehingga 20 November 2013. Akhbar dalam talian berfokus kepada masa sebelum dan selepas pilihan raya umum 2013. Data sekunder ini akan

digunakan untuk menjawab persoalan kajian terutamanya perkara yang berkaitan dengan politik etnik, politik pelbagai budaya dan sejauhmanakah Pakatan Rakyat boleh menyumbang kepada politik pelbagai budaya.

3.5 TEKNIK MENGANALISIS DATA

Analisis kandungan (*content analysis*) merupakan teknik yang sesuai untuk menganalisis topik ini. Menurut Bhattacharjee (2012), analisis kandungan adalah analisis sistematik kandungan sesuatu teks (contohnya, yang mengatakan apa, kepada siapa, mengapa, dan sejauh mana dan dengan apa kesan) dalam bentuk kuantitatif atau kualitatif. Analisis kandungan sangat bergantung kepada rekod penulisan yang selalunya diesktrak daripada dokumen dan berfungsi untuk menyokong pemerhatian dan analisis. Johnson & Reynolds (2012) berhujah proses analisis kandungan terbahagi kepada tiga seksyen.

Proses yang pertama ialah pemilihan bahan yang bertepatan dengan kajian. Proses yang kedua ialah rakaman dan pengekodan data. Contohnya, menemuramah individu dan pengekodan data daripada akhbar dalam talian. Sementara itu, penyelidik boleh mengekod perkataan, ayat, perenggan atau keseluruhan item tersebut. Proses yang ketiga ialah memilih kategori kandungan. Tambahan lagi, Krippendorff (1980) berhujah bahawa sesuatu perkataan, ayat, perenggan, bab, bahkan seluruh buku boleh diterima sebagai data.

Selain itu, terdapat tiga kaedah pengekodan iaitu terbuka (*open*), paksi (*axial*) dan terpilih (*selective*). Menurut Bhattacharjee (2012), kita boleh

menggunakan semua kaedah pengekodan secara serentak. Penggunaan kaedah terbuka sangat sesuai untuk kajian ini kerana kaedah terbuka dapat mengenalpasti idea yang tersembunyi dalam data teks seperti temuramah melalui email, akhbar dalam talian dan buletin dalam talian. Sementara itu, Bhattacharjee (2012) berhujah bahawa kaedah terpilih boleh mengenalpastikan pembolehubah teras secara sistematik dan kemudiannya mengaitkan dengan pembolehubah yang lain. Oleh sebab itu, menghubungkan data primer dengan data sekunder untuk menjadikan kajian ini lebih komprehensif dan teratur. Salah satu kebaikan kaedah terpilih ialah dapat membantu kita untuk menghadkan lingkungan analisis dan lebih cepat.

Masa lingkungan untuk akhbar dalam talian bermula dari 4 Mei 2013 sehingga 20 November 2013, terutamanya pada masa dan selepas pilihan raya umum 2013. Pengumpulan data dari akhbar dalam talian adalah lebih fleksible dan cepat berbanding dengan pengumpulan data yang lain. Selain itu, pengekodan data daripada akhbar dalam talian sangat penting kerana ia dapat membantu kita memahami politik Malaysia dalam konteks yang ringkas dan cepat. Contohnya, kebanyakan akhbar dalam talian akan menertibkan apa yang telah diutarakan oleh ahli-ahli politik seperti isu-isu perkauman, sikap pengundi, permainan politik yang berbaur hasutan dan lain-lain lagi. Oleh itu, akhbar dalam talian amat sesuai untuk digunakan sebagai data sekunder.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Daripada analisis yang terdapat pada ulasan karya telah menunjukkan politik Malaysia mengandungi unsur-unsur kaum atau etnik tetapi pada masa yang sama kedua-dua parti pakatan seperti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat mengamalkan politik pelbagai budaya. Terdapat ramai penyelidik (Chua, Osman, Haque, Saravanamuttu, Berger, Kua dan lain-lain) yang berpendapat bahawa politik Malaysia adalah berdasarkan kumpulan etnik, terutamanya pada musim pilihan raya dan polisi negara. Hampir kesemua perkara dikaitkan dengan sentimen etnik seperti yang diujahkan oleh kumpulan pertama penyelidik yang terdapat dalam ulasan karya.

Ahli politik yang menjawab soalan temuramah melalui email ialah YB Phee Boon Poh (*Democratic Action Party*/Parti Tindakan Demokrasi/ DAP) dari DUN N.7 Sungai Puyu (Pulau Pinang). Beliau telah menghantar jawapan melalui email. Akan tetapi, jawapan yang diberikan oleh beliau sangat ringkas. Walau bagaimanapun, hasil daripada temuramah melalui email merupakan data primer dan ia akan digunakan dalam dapatan kajian. Selain itu, akhbar dalam talian dan buletin dalam talian merupakan data sekunder dan ia digunakan untuk menganalisis politik Malaysia dengan menumpukan perhatian kepada situasi yang berlaku pada masa dan selepas pilihan raya umum 2013. Manakala, buletin dalam talian akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga.

4.2 ADAKAH PARTI POLITIK DI MALAYSIA MENGAMALKAN POLITIK ETNIK?

Kita telah mengetahui bahawa kebanyakan parti politik di Malaysia adalah berasaskan kumpulan etnik seperti UMNO, MCA, MIC, DAP, PKR dan PAS. Manakala, terdapat segelintir penyelidik berpendapat bahawa Pakatan Rakyat ialah parti multi-etnik atau parti pelbagai budaya. Akan tetapi, untuk menerokai sama ada parti politik di Malaysia mengamalkan politik etnik sentiasa kabur dan tidak jelas. Oleh itu, jawapan daripada temuramah melalui email ahli-ahli politik agak terhad.

Untuk menjawab persoalan kajian yang pertama, YB Phee Boon Poh (DAP) telah memberi jawapan yang agak terhad. Beliau telah mengatakan bahawa “*sepatutnya tidak boleh*” dalam temuramah melalui email yang telah dikirim kepadanya. Dalam jawapan yang diberi oleh YB Phee Boon Poh, beliau seolah-olah tidak bersetuju bahawa politik Malaysia mengamalkan politik etnik ataupun tidak.

4.2.1 *The Star Online* dan *Berita Harian Online*

Pemberita telah memberikan contoh untuk menunjukkan parti politik di Malaysia sentiasa mendapat sokongan dari kumpulan etniknya. Menurut Wong (2013), beliau telah mengatakan bahawa “*surveys so far seem to indicate that the majority of Malays are sticking with Barisan*”. Wong (2013) telah mengatakan bahawa majoriti etnik Melayu telah mengundi Barisan Nasional (BN) supaya status quo tidak akan berubah. Tambahan lagi, Wong (2013) juga mengatakan bahawa “*It would not be wrong to say that among some sections of the DAP loyalists, the mood has reached a hysterical, or even fanatical, level. So whatever one may say about the right to choose in a democracy, the Chinese who support Barisan Nasional are branded as “traitors” and “running dogs” by these groups*”. Ini telah menunjukkan bahawa DAP ialah parti yang fanatik dengan melabelkan orang Tionghua sebagai “pengkhianat atau anjing jalanan” jika mereka mengundi BN. Kebebasan mengundi merupakan hak asasi setiap orang untuk mengundi kerana sesiapaupun boleh mengundi parti yang dia sukai.

Selain itu, Baradan (2013) telah mengatakan bahawa “*division along ethnic and racial lines are very prominent today, they say, and these will colour the election results*”. Baradan telah menjelaskan bahawa unsur-unsur kaum atau etnik telah mendominasi keputusan pilihan raya umum. Tambahan lagi, beliau juga menunjukkan majoriti etnik Tionghua mengundi DAP, PKR dan PAS pada pilihan raya umum 2013 dengan mengatakan “*The Chinese voters, who are the majority in over 40 parliamentary seats, are holding their own against a Barisan onslaught for*

their hearts and minds, determined to vote primarily for the DAP and less for PKR and PAS". Menurut Berita Harian *Online* (2013, Mei 10), pejabat peguam negara mengesahkan menerima laporan bahawa beberapa pemimpin parti politik mengaitkan isu berkaitan perkauman dalam ceramah mereka sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13). Selain itu, Tan Sri Mohd Abdul Samad (2013, Mei 9) berkata bahawa kemerosotan pengundi Tionghua pada PRU-13 kerana mereka terpengaruh dengan dakwah yang dibawa pembangkang terutamanya PKR.

Menurut Wong (2013), garis perkauman merupakan elemen utama dalam pilihan raya umum 2013 dengan mengatakan bahawa "*it has been a closely fought general election and it has also been very divisive one—with the battle lines drawn clearly along racial lines*". Justeru, Wong (2013) juga menekankan bahawa Barisan lebih dekat dengan etnik Melayu manakala Pakatan Rakyat lebih mendekati pengundi etnik Tionghua. "*As Barisan went out to cement its ties with Malays, Pakatan took aim at Chinese voters – especially the non urban ones who traditionally support their opponents*" (*The Star Online*, 2013, Mei 4). Tambahan lagi, Wong (2013) juga mengatakan bahawa "*the voters are polarised in various ways – from parochial feelings of state to ethnic communal lines or even by the school or university they graduated from*" (*The Star Online*, 2013, Mei 4).

Menurut Yeoh (2013), terdapat 80% pengundi Tionghua telah mengundi DAP dan calon Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 2013. Selain itu, Yeoh juga menerangkan tentang perpindahan undi masyarakat Tionghua dari PAS kepada DAP selepas pengenalan undang-undang Hudud. Tambahan lagi, Beliau juga menerangkan

bahawa “*Chinese support for DAP and Pakatan remains strong, the rural Malay voters appear to be returning to Umno*”. Etnik Tionghua lebih menyokong DAP dan Pakatan Rakyat manakala etnik Melayu luar bandar kembali kepada UMNO.

4.2.2 *My sinchew.com*

Menurut *My sinchew.com* (2013, Mei 6), Lim Kit Siang mengalahkan bekas Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dengan undi majoriti sebanyak 14,762 undi. “*Lim’s success was also due to the backing of the Chinese voters in the constituency*” (*My sinchew.com*, 2013, Mei 6). Terdapat 106,726 pengundi dalam kawasan Gelang Patah, 52.41% ialah pengundi Tionghua, 38.28% ialah pengundi Melayu, 12.49% ialah India dan 0.83% ialah lain-lain etnik. Oleh itu, komposisi etnik dalam sesuatu kawasan pilihan raya dapat menentukan pihak yang akan menang.

Selain itu, *My sinchew.com* juga menerangkan bahawa calon DAP memenangi hampir semua kawasan parlimen yang mempunyai majoriti etnik Tionghua seperti Taiping, Ipoh Timur, Ipoh Barat, Batu Gajah, Beruas, Kampar dan Telok Intan. Tambahan lagi, Tay (2013) mengatakan bahawa kemenangan BN dalam pilihan raya adalah melalui sokongan etnik Melayu di kawasan majoriti etnik Melayu dan sokongan padu daripada komponen parti-parti BN di Sabah dan Sarawak.

Pada masa yang sama, parti-parti etnik Tionghua dalam BN telah mengalami kekalahan teruk selepas kehilangan kebanyakan kerusi parlimen dan dewan undangan negeri kepada DAP dan PKR. Ini telah menunjukkan bahawa pengundi Tionghua

telah membuat keputusan untuk mengundi Pakatan Rakyat di mana ia telah memberi impak yang besar kepada MCA, Gerakan dan SUPP. Oleh itu, parti-parti etnik Tionghua dalam BN hampir lumpuh dan tidak mempunyai wakil-wakil dalam kerajaan. Sebaliknya, DAP telah mendapat sambutan dalam komuniti etnik Tionghua dan menang hampir keseluruhan kawasan pilihan raya yang majoritinya etnik Tionghua.

Perasaan kebimbangan telah wujud antara kumpulan etnik-etnik seperti Melayu dan Tionghua. Menurut Tay (2013), *“When the Malay community's condition for change is not ripe, the move of the Chinese community to fully respond to the call of Pakatan Rakyat and support the DAP might have caused anxiety in the Malay community. The mass rallies from the northern Peninsula to the southern Peninsula might have stimulated the Malay community's sense of crisis and thus, caused the return of some Malay votes to the Barisan nasional”*. Oleh itu, perkembangan masyarakat Tionghua yang menyokong Pakatan Rakyat dan DAP telah mengakibatkan kebimbangan dalam masyarakat etnik Melayu. Secara tidak langsungnya, perkembangan ini akan menimbulkan kegelisahan masyarakat Melayu dan seterusnya mereka akan kembali mengundi Barisan Nasional. Petanda ini telah menunjukkan komuniti Bumiputera sentiasa menyokong Barisan Nasional manakala komuniti bukan Bumiputera akan menyokong Pakatan Rakyat. Ini akan menyumbang kepada polarisasi etnik. Menurut Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (*My sinchew.com*, 2013, Mei 7), beliau berasa sedih kerana Pakatan Rakyat telah memainkan sentimen perkauman untuk mengaut sokongan politik dan meracuni pemikiran masyarakat.

Lim (2013) mengatakan bahawa “*strong wind of anti-ruling in the Chinese community has made the DAP the biggest winner of the 13th general election*”. Sentimen anti-pemerintah dalam masyarakat Tionghua semakin kuat telah menyumbang kepada kemenangan besar kepada DAP pada pilihan raya umum 2013. Menurut Lim (2013), pengundi Tionghua telah mengundi Pakatan Rakyat tanpa teragak-agak sehingga mengakibatkan kemenangan besar DAP di Pulau Pinang dan membantu Pakatan Rakyat untuk mengekalkan kuasa di negeri Selangor.

Menurut *My sinchew.com* (2013, Mei 8), bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa sekumpulan orang Melayu yang gila kuasa telah menyumbangkan “tsunami cina” pada pilihan raya umum 2013. Tun Dr Mahathir juga menerangkan bahawa Lim Kit Siang telah menyumbang kepada permusuhan antara etnik Melayu dan Tionghua selepas beliau memperkenalkan konsep “*Malaysian Malaysia*”. Oleh itu, sentimen ini telah mengakibatkan perpecahan masyarakat Malaysia kerana masyarakat Tionghua enggan berkerjasama atau menolak “*hand of friendship*” daripada masyarakat Melayu.

4.2.3 *The Malaysian Insider*, *Harakahdaily* dan *Roketkini.com*

Menurut *The Malaysian Insider* (2013, Mei 21), Perdana Menteri ke-enam Malaysia dikecam kerana menggunakan etnik untuk mengkategorikan corak pengundian dalam pilihan raya dan terdapat penganalisis berpendapat bahawa ia bukan “tsunami cina” tetapi ia merupakan jurang antara bandar dan luar bandar. Wartawan Hong Kong *Philip Bowring* telah mengatakan bahawa Najib Razak telah mengakui “tsunami cina” berlaku kerana kurang mendapat sokongan daripada masyarakat Tionghua dan ia merupakan keputusan terburuk BN dalam sejarah pilihan raya. Sementara, *Roketkini.com* (2013) telah mengatakan bahawa kenyataan seperti “tsunami cina” dan “Apa lagi Cina mahu?” adalah sangat tidak bertanggungjawab kerana ia bukan tsunami cina sebaliknya merupakan tsunami rakyat Malaysia. Di samping itu, *Harakahdaily* (2013, Jun 3) menekankan bahawa kenyataan Ketua Penerangan UMNO merangkap Timbalan Menteri, Ahmad Maslan yang berkata adalah mustahil UMNO untuk menjadi sebuah parti tunggal untuk semua rakyat Malaysia telah menunjukkan UMNO mahu memecahbelahkan rakyat Malaysia mengikut etnik demi menjaga kekuasaan UMNO.

Selain itu, Lim Guan Eng (*Harakahdaily*, 2013, Jun 3) mengatakan bahawa sudah lebih 50 tahun, BN UMNO, MCA dan MIC telah memecahbelahkan rakyat Malaysia mengikut kumpulan etnik demi menghalalkan penyalahgunaan kuasa, terutamanya rasuah, kapitalisme kroni dan penafian hak asasi manusia. Tambahan lagi, Guan Eng berkata dalam pilihan raya umum 2013 telah menampakkan rakyat Malaysia ingin menjadi *Malaysian first*, di mana ia menekan kepada rakyat

mendahului kroni, prinsip dan polisi yang baik lebih penting berbanding dengan kebencian dan ketakutan.

Menurut Pemuda PAS, Nasrudin Hassan (*Harakahdaily*, 2013, November 20), terdapat pihak-pihak yang berkesempatan untuk menzahir dan menyebarkan dakwah untuk mengapi-apikan sentimen perkauman dan agama seperti kenyataan yang mencemarkan ajaran Islam dan mengguriskan perasaan penganut agama yang lain. Sementara itu, *Roketkini.com* (2013) juga mengatakan bahawa semua rakyat Malaysia berasa bimbang kerana sentimen perkauman telah dibiarkan muncul semasa pilihan raya umum 2013 dan memperolehi momentum selepas pilihan raya umum 2013 kerana Najib Razak sendiri telah berkata keputusan PRU-13 adalah disebabkan oleh “tsunami cina”. Sebenarnya, ia bukan “tsunami cina” tetapi merupakan tsunami rakyat Malaysia dan tsunami warga bandar.

Oleh itu, kenyataan Najib Razak telah memburukkan polarisasi etnik dalam masa sepanjang dua minggu seperti dalam tajuk utama depan Utusan “Apa lagi Cina mahu?”. Menurut *Roketkini.com* (2013) kenyataan tersebut merupakan provokasi yang bertujuan untuk melaga-lagakan etnik Melayu dan Tionghua. Selain itu, Lim Kit Siang (*Roketkini.com*, 2013, Mei 20) mengatakan bahawa pemimpin dari Parti UMNO/BN telah menggunakan isu kaum semasa berkempen dengan menyebarkan dakwaan yang tidak berasas bahawa Lim Kit Siang yang bertanding di Gelang Patah akan mencetuskan permusuhan antara kumpulan etnik dan menggesa etnik Tionghua untuk membenci etnik Melayu. Di samping itu, wawancara antara Anwar Ibrahim dengan wartawan NST, Tan Choe Choe (*Roketkini.com*, 2013, Mei 20) telah

mengatakan bahawa politik Malaysia masih berpaksikan kepada kumpulan etnik dan ia akan muncul apabila berlaku pilihan raya.

4.3 ADAKAH POLITIK MALAYSIA BERUBAH DARI POLITIK ETNIK KEPADA POLITIK PELBAGAI BUDAYA?

Dalam persoalan kajian yang kedua, YB Phee Boon Poh (DAP) telah menjawab “*tidak selain dari Pakatan Rakyat*”. YB Phee sangat yakin bahawa Pakatan Rakyat boleh membawa Malaysia ke arah politik pelbagai budaya. Manakala, kebanyakan akhbar dalam talian seperti Berita Harian *Online*, *My sinchew.com* dan *The Star Online* telah menunjukkan Pakatan Rakyat terlibat dalam isu-isu etnik semasa pilihan raya umum 2013. Sementara itu, *Roketkini.com*, *The Malaysian Insider* dan *Harakahdaily* telah membuktikan bahawa kemunculan Pakatan Rakyat mampu menyumbang politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya.

\

4.3.1 *The Star Online*

Menurut Wong (2013), ceramah Pakatan Rakyat pernah menerangkan mengenai penurunan harga petrol tetapi tidak menjelaskan bagaimana untuk mensubsidikan harga petrol dan dari mana wang perbelanjaan kerajaan. Selain itu, Baradan (2013) telah menjelaskan bahawa program transformasi masyarakat India telah berjaya menarik balik sokongan etnik India. Baradan (2013) juga mengatakan bahawa “*Najib has also won over the bulk of Indian voters with his deal with Hindraf, his many transformative projects for the community and his willingness to preserve the most important things in a Hindu devotess’s life, that is his temple, school and cultural life*”. (*The Star Online*, 2013, Mei 4). Tambahan lagi, Baradan (2013) mengatakan bahawa perjanjian persefahaman (*MoU*) antara Hindraf dan Barisan Nasional telah berjaya menarik balik sokongan masyarakat India selepas kerajaan menerima permintaan Hindraf.

Selain itu, Najib juga membawa kejutan kepada masyarakat Tionghua dengan memberi pengiktirafan kepada sekolah jenis kebangsaan Tionghua. Menurut Yeoh (2013), “*Chinese community was pleasantly surprised by the three recent announcements by Najib; the largest independent Chinese school Foon Yew High School was allowed to set up a second branch, Southern College was recently given University College status, and the possibility of Han Chiang College being upgraded to University College*” (*The Star Online*, 2013, Mei 4). Ini ialah bukti yang kukuh yang menunjukkan Barisan Nasional mengamalkan politik pelbagai budaya dengan memberi pengiktirafan dan menjaga kepentingan etnik minoriti.

Program 1 Malaysia seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) telah menunjukkan kerajaan Barisan Nasional memberi bantuan dan khidmat kepada rakyat Malaysia untuk meringankan bebanan hidup. Menurut Yoke (2013), Bantuan Rakyat 1 Malaysia 2.0 (BR1M 2.0) telah diberikan kepada masyarakat Tionghua semasa perayaan Tahun Baharu Cina telah menunjukkan kerajaan BN sentiasa berusaha untuk mengurangkan masalah kekurangan wang dan bebanan hidup rakyat. Contohnya, Eik Siew Phau ialah pekerja getah yang sentiasa mengalami masalah pendapatan yang tidak stabil telah menerima bantuan BR1M untuk menghadapi perayaan Tahun Baharu Cina.

4.3.2 SINAR HARIAN DAN BERITA HARIAN *ONLINE*

Menurut Dr Ser Wue Hiong (Sinar Harian, 2013, Mei 12), beliau yakin Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri untuk semua dan dengan pendekatan 1 Malaysia, beliau tidak akan meminggirkan pembangunan masyarakat Cina termasuk pendidikan Cina selepas PRU-13. Selain itu, kerajaan masih memerlukan wakil masyarakat Cina melalui MCA dalam pembentukan barisan Kabinet yang akan dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bagi memastikan perwakilan dalam masyarakat majmuk (Berita Harian *Online*, 2013, Mei 8). Kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Razak telah menunjukkan politik pelbagai budaya dengan menekankan bahawa pembentukan Kabinet mesti mempunyai wakil-wakil masyarakat Tionghua untuk menjaga kepentingan kumpulan etnik tersebut. Selain itu, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan

Tengku Mansor, berkata ini kerana rakyat Malaysia membabitkan pelbagai bangsa dan perlu ada wakil daripada semua bangsa itu bagi mengetengahkan kepentingan masing-masing².

Usaha Barisan Nasional untuk mendapat wakil-wakil Tionghua telah menepati konsep kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) di mana ia menekankan kepada pemeliharaan kepentingan kumpulan etnik masing-masing dan pemberian pengiktirafan kepada Kolej-Kolej Tionghua seperti Kolej Selatan (*Southern College*) dan Kolej Han Chiang.

4.3.3 Rokatini.com, The Malaysian Insider dan Harakahdaily

Mengikut tinjauan awal keputusan pilihan raya yang dilakukan oleh Merdeka Center (*The Malaysian Insider*, 2013, Mei 21) telah menunjukkan peralihan besar di kalangan masyarakat bandar berbilang etnik dan kelas pertengahan terhadap parti BN, bukan sahaja masyarakat Tionghua tetapi juga pengundi Melayu. Oleh itu, peralihan undi dari BN kepada PR telah menunjukkan corak pengundian semua kumpulan etnik sedang berubah. Selain itu, Harakahdaily (2013, Jun 3) telah mengatakan bahawa PRU-13 telah menampakkan rakyat Malaysia memberi mesej yang jelas dengan ingin menjadi *Malaysian first*. Tambahan lagi, Lim Guan Eng (Harakahdaily, 2013, Jun 3) telah menekankan bahawa konsep “*Malaysian first*” tidak bermaksud kehilangan identiti kumpulan etnik masing-masing sebaliknya kita akan menumpukan taat setia

² n.d. (2013, Mei 8). Kerajaan masih perlukan wakil cina. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KajipuncakemerosotanpengundiCinaterhadapBN/pilihanraya/PRU13/Article/index_html

kepada negara kita. Keengganan parti UMNO untuk membuka keahlian kepada semua kumpulan etnik telah menunjukkan BN bukan parti yang inklusif untuk semua rakyat Malaysia. Oleh itu, Guan Eng (*Harakahdaily*, 2013, Jun 3) mengatakan slogan 1Malaysia tidak mempunyai makna kecuali ia berfungsi sebagai propaganda untuk pilihan raya.

Harakahdaily (2013, November 20) telah menunjukkan bahawa golongan pengundi muda telah menyampaikan mesej yang jelas iaitu sudah muak dengan politik fitnah, ganas, rasis dan kebencian. Sementara itu, *Roketkini.com* (2013) juga mengatakan bahawa pemimpin PR daripada DAP, PKR dan PAS telah menyeru rakyat Malaysia untuk meninggalkan politik etnik, rasuah, dan kronisme serta menyambut politik baru yang merentasi kumpulan etnik, lebih bersifat integriti, kebebasan dan tadbir urus yang baik. Politik baru yang dimaksudkan ialah politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*). Selain itu, Anwar Ibrahim (*Roketkini.com*, 2013, Mei 20) telah mengatakan bahawa corak pengundian silang telah berlaku kerana pemuda Melayu dari parti PAS telah mengundi DAP. Tambahan lagi, corak pengundian silang tidak berlaku pada sepuluh tahun yang lalu tetapi ia telah berlaku pada pilihan raya kali ini kerana pengundi muda dari pelbagai kumpulan etnik telah mengundi parti yang berlainan. Contohnya, pemuda India atau Tionghua telah mengundi PAS, manakala penyokong PAS mengundi DAP.

4.4 SEJAUHMANAKAH PAKATAN RAKYAT BOLEH MENYUMBANG KEPADA POLITIK KEPELBAGAIAN BUDAYA (*MULTICULTURALISM*).

Dalam persoalan kajian yang ketiga, YB Phee Boon Poh (DAP) telah mengatakan “*kerajaan PR Pulau Pinang telah membuktikan sumbangannya*” sebagai jawapan kepada soalan temuramah melalui email yang ketiga. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberi sebarang contoh tentang pencapaian yang dikecapi oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang. Oleh itu, saya perlu untuk mencari contoh pencapaian yang dikecapi oleh kerajaan PR di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, terdapat dua kumpulan penyelidik yang mempunyai pendapat yang bertentangan terhadap kemampuan Pakatan Rakyat untuk menyumbangkan kepada politik kepelbagaian budaya. Kumpulan penyelidik yang pertama berpendapat bahawa kemunculan Pakatan Rakyat dapat membawa Malaysia ke arah politik pelbagai budaya, manakala kumpulan penyelidik yang kedua berpendapat bahawa Pakatan Rakyat sentiasa melakukan aktiviti atau permainan politik yang menyumbang kepada polarisasi etnik.

Menurut *Roketkini.com* (2012), terdapat 12 pencapaian yang dikecapi oleh kerajaan PR di Pulau Pinang. Semua pencapaian telah dikecapi melalui kesungguhan kerajaan negeri Pakatan pimpinan DAP yang komited dan tegas melaksanakan dasar cekap, akauntabiliti dan telus (C.A.T)³. Pencapaian C.A.T telah menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat mampu menyumbang kepada politik pelbagai budaya. Antara pencapaian C.A.T ialah pengamalan enam langkah integriti dalam memerangi

³ n.d. (2012, Disember 3). Jangan percaya fitnah, ini dia bukti kejayaan c.a.t pulau pinang. *ROKETKINI.COM*. retrieved from <http://www.roketkini.com/2012/12/03/jangan-percaya-fitnah-ini-dia-bukti-kejayaan-c-a-t-pulau-pinang/>

rasuah (pengisytiharan harta secara terbuka, pelaksanaan tender terbuka, melarang ahli keluarga daripada berurus niaga dengan kerajaan, melindungi peniup wisel yang tulen, menggugurkan pemimpin-pemimpin yang hidup mewah dan bersikap telus dalam sumbangan politik), menjadi negeri pertama di Malaysia yang membasmi miskin tegar pada tahun 2009 dan akan menjadi pertama di Malaysia untuk menghapuskan kemiskinan sama sekali pada tahun 2013 melalui Agenda Ekonomi Saksama (AES), mewujudkan sudut pidato pertama di Malaysia untuk meningkatkan kebebasan bersuara, dan menghormati agama Islam sebagai agama Pulau Pinang dan juga kebebasan beragama.

Zainulfaqar (2013) telah mengatakan bahawa bajet kerajaan negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 telah menampakkan pelan belanjawan tahunan negeri yang memberi penekanan pada pentadbiran berasaskan hasil (*outcome-based administration*) demi kepentingan rakyat. Antara program yang akan dilancarkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang ialah Agenda Ekonomi Saksama (AES), Martabat agama Islam, pendidikan etnik minoriti dan lain-lain lagi. Dalam AES, kerajaan Pulau Pinang menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah dari RM 770 (2013) kepada RM 790 (2014). Untuk program martabat agama Islam, Kerajaan negeri Pulau Pinang telah memperuntukan RM 11.17 juta untuk pembangunan institusi masjid, surau, dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan jumlah peruntukan tersebut telah meningkat sebanyak RM 10.22 juta (9.3%) berbanding dengan tahun 2013. Manakala untuk pendidikan sekolah Tamil, kerajaan pusat telah berkerjasama dengan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk membina sebuah Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Air Putih.

Menurut Aino (2012), pengusaha komoditi Fairuz Azhan Amiruddin, 26, dan peguam Dyana Sofya Mohd Daud, 25, sepakat menyertai DAP negeri Pulau Pinang setelah melihat kekuatan ideologi dan kejayaan kerajaan DAP Pulau Pinang mengurangkan kadar kemiskinan tegar. Pengerusi DAP negeri Perak, Datuk Ngeh Khoon Ham berkata penglibatan golongan muda itu membuktikan DAP merupakan “parti pelbagai bangsa” yang masih bertunjangan kepada kesetiaan agama, bangsa dan Raja-Raja Melayu (Sinar Harian, 2012, Januari 21).

Walau bagaimanapun, terdapat penyelidik masih berpendapat bahawa Pakatan Rakyat telah menyumbang kepada polarisasi antara etnik dan mereka sentiasa bermain dengan isu-isu sensitif. Hashim (2011) mengatakan kemunculan pakatan rakyat sememangnya telah mengubah suasana politik kerana pendekatan mereka mengamalkan dasar yang lebih liberal dan kadang-kala seperti tergelincir daripada landasan undang-undang serta perlembagaan Malaysia. Sikap dan budaya “liberalisme baharu” yang diperkenalkan oleh Pakatan Rakyat telah membuka ruang untuk membincangkan isu-isu sensitif dalam konteks hubungan etnik.

Isu-isu sensitif yang diungkitkan oleh Pakatan Rakyat ialah kontrak sosial, kedudukan istimewa Melayu dan bumiputera yang dianggap tidak memberi keadilan kepada bukan bumiputera, Malaysia sebagai negara Islam, mempersoalkan kuasa-kuasa raja, kuota pemberian biasiswa dan jawatan dalam kerajaan dan isu penggunaan kalimah Allah. Justeru, Mohd Ridhuan Tee Abdullah berkata situasi ini seperti “api dalam sekam yang sedang menyala secara perlahan-perlahan tetapi akan menjadi bara yang besar dan membahayakan” (Hashim 2011).

4.4.1 *My sinchew.com* dan Berita Harian *online*

Menurut Tay (2013), terdapat petanda yang menunjukkan bahawa komuniti Bumiputera menyokong Barisan Nasional manakala komuniti bukan Bumiputera menyokong Pakatan Rakyat dan ia secara tidak langsungnya akan menyumbang kepada polarisasi etnik. Daripada petikan akhbar di atas telah menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat telah menyumbangkan perpecahan masyarakat Malaysia. Selain itu, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah mengkritik Pakatan Rakyat kerana mempermainkan sentimen perkauman untuk meraih sokongan politik daripada kumpulan etnik tertentu (*My sinchew.com*, 2013, Mei 7). Menurut Berita Harian *Online* (2013), Masyarakat Tionghua telah ditipu menerusi slogan kesamarataan kaum dilaungkan oleh pembangkang dalam kempen Pilihan Raya Umum 2013 dan menganggap hak istimewa etnik Melayu dan Bumiputera akan dihapuskan jika pakatan itu menubuhkan kerajaan.

Tambahan lagi, Najib menegaskan, UMNO tidak tewas pada pilihan raya umum 2013 sebaliknya masih parti gagah perkasa dengan menambah bilangan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi, malah BN berupaya mendapat majoriti lebih besar sekiranya tidak berlaku anasir pembohongan dan isu perkauman oleh pembangkang (*Berita Harian Online*, 2013, Mei 12). Daripada petikan akhbar di atas telah menunjukkan bahawa parti pembangkang terlibat dengan anasir pembohongan dan isu perkauman untuk memecahbelahkan kumpulan-kumpulan etnik demi menjamin kelangsungan sokongan padu daripada kumpulan etnik tertentu.

Menurut Berita Harian *Online* (2013, Mei 9), tugas utama Datuk Seri Najib Razak selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ialah mewujudkan keharmonian dalam hubungan antara kaum dan menyasarkan penyatuan nasional sebagai agenda utama pentadbirannya. Selain itu, Najib Razak berkata bahawa tsunami etnik Tionghua berlaku akibat angkara Pakatan Rakyat memainkan sentimen perkauman sehingga menyumbang kepada kekalahan MCA dan Gerakan.

4.4.2 *Rocketkini.com*

Lim Guan Eng (*Rocketkini.com*, 2013, Mei 11) mengatakan bahawa DAP telah mencatatkan pencapaian yang terbaik dalam sejarah dengan memenangi 38 kerusi parlimen dan 107 kerusi DUN. Di samping itu, DAP juga memiliki wakil rakyat dari pelbagai kumpulan etnik seperti Melayu, Tionghua, India dan Kadazan. Selain itu, *Rocketkini.com* (2013, Mei 11) juga menjelaskan DAP merupakan parti untuk semua rakyat Malaysia dan bukan anti-Melayu, anti-Bumiputera atau anti-Islam. Malahan, parti DAP merupakan parti multi-etnik kerana terdapat wakil-wakil yang dilantik daripada etnik Melayu, India, Tionghua, Kadazan dan lain-lain lagi. Di samping itu, *Rocketkini.com* (2013, Mei 20) mengatakan pemimpin PR daripada PKR, DAP dan PAS telah meminta rakyat Malaysia untuk meninggalkan politik perkauman, kronisme dan rasuah seterusnya menyambut politik yang baru iaitu politik pelbagai budaya, di mana ia merentasi kumpulan etnik, integriti, kebebasan dan cekap dalam pentadbiran.

BAB 5

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 RUMUSAN

Secara keseluruhan, politik Malaysia tidak bersifat politik etnik atau perkauman tetapi lebih bersifat kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) kerana setiap kumpulan etnik mempunyai wakil-wakil dalam portfolio kerajaan pusat atau negeri, pemberian pengiktirafan dan dana kepada kumpulan minoriti untuk membina sekolah jurusan bahasa ibunda dan Kolej Universiti, pelaksanaan dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus (C.A.T) oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang dan pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) kepada semua kumpulan etnik. Jelasnya, Malaysia ialah negara yang mengamalkan politik pelbagai budaya tetapi unsur-unsur perkauman atau etnik akan digunakan semasa pilihan raya. Lagipun, Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menjamin semua orang mempunyai hak yang sama rata seperti perkara ke-8.

Dalam perkara ke-8(1), telah mengatakan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Manakala, perkara ke-8(2) menekankan bahawa tiada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir...(Perlembagaan Persekutuan, 2005, p. 8). Menurut Nagy (2014), Parekh telah menekankan bahawa identiti nasional dalam masyarakat majmuk seharusnya ditakrifkan dalam politik-institusi berbanding dengan etno-budaya supaya setiap

rakyat mendapat kedudukan yang sama rata dalam masyarakat sivik. Dari penjelasan Nagy (2014), kita sangat yakin bahawa politik Malaysia merupakan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) kerana kedua-dua parti pakatan seperti BN dan PR menunjukkan unsur-unsur politik pelbagai budaya dalam kerajaan yang dibentuk oleh mereka. Contohnya, dasar CAT dan program bantuan 1 Malaysia (BR1M).

Walaupun bagaimanapun, terdapat unsur-unsur etnik atau bangsa telah digunakan dalam pilihan raya seperti PRU-13. Wong (2013) telah mengatakan majoriti etnik Melayu akan memihak kepada Barisan Nasional supaya status quo tidak akan berubah. Manakala, Wong (2013) juga mengatakan bahawa pengikut setia DAP begitu fanatik dengan melabelkan orang Tionghua yang menyokong atau mengundi BN sebagai pengkhianat atau “anjing jalanan”. Oleh itu, kebanyakan parti-parti politik di Malaysia akan menggunakan sentimen etnik untuk mendapat sokongan semasa pilihan raya.

Harakahdaily, *The Malaysian Insider* dan *Roketkini.com* mengatakan bahawa sentimen perkauman telah digunakan semasa pilihan raya umum 2013 untuk memecahbelahkan rakyat Malaysia. Akhbar dalam talian itu telah menekankan bahawa parti BN menggunakan unsur-unsur perkauman semasa dan selepas pilihan raya. Contohnya, “tsunami cina” dan “Apa lagi Cina mahu?”. Daripada perkataan tersebut boleh menyumbang kepada polarisasi kumpulan etnik dan permusuhan antara etnik. Justeru, *Roketkini.com* (2013) menganggap kenyataan itu bertujuan untuk melaga-lagakan hubungan antara etnik Melayu dan Tionghua.

Walaupun, negara yang paling demokrasi seperti Amerika Syarikat juga mengalami situasi yang sama seperti politik Malaysia kerana sentimen etnik atau kaum sentiasa mendominasi pilihan raya. Kebanyakan negro Amerika telah mengundi Presiden Barack Obama kerana beliau dari kumpulan etnik yang sama. Menurut Hickey (2014), hampir keseluruhan negro Amerika telah menyokong Barack Obama dalam dua penggal pilihan raya presiden. Tambahan lagi, Toure (2014) juga mengatakan bahawa “*Yes Obama’s blackness is part of why many blacks support him*” (*TIME*, 2012, Oktober 19). Daripada contoh yang diberi, unsur-unsur bangsa atau etnik merupakan salah satu faktor yang dapat menyumbang kepada kemenangan seseorang calon dalam pilihan raya.

Justeru, politik di Malaysia juga merupakan politik yang berasaskan kumpulan etnik tetapi bukan politik etnik. Anwar Ibrahim (*Roketkini.com*, 2013, Mei 20) mengakui bahawa politik Malaysia masih berpaksikan kepada kumpulan etnik dan sentiasa akan muncul apabila berlaku pilihan raya. Sementara itu, Baradan (2013) juga telah mengatakan keputusan pilihan raya sangat berkait rapat dengan garis perkauman (*racial lines*). Oleh itu, kebanyakan pemberita telah mengatakan bahawa pilihan raya umum 2013 berada dalam garis perkauman. Contohnya, kebanyakan etnik Melayu dan Bumiputera akan mengundi Barisan Nasional manakala etnik bukan Bumiputera akan mengundi Pakatan Rakyat.

Selain itu, hampir kesemua kawasan pilihan raya yang mempunyai majoriti etnik Tionghua akan menyokong DAP dan Pakatan Rakyat sehingga mengakibatkan kekalahan yang teruk kepada MCA dan Gerakan. Tambahan lagi, DAP dan Pakatan Rakyat telah menyuntik perasaan anti-kerajaan di kalangan etnik bukan bumiputera.

Oleh itu, Ketua Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin juga mengatakan Pakatan Rakyat sentiasa memainkan sentimen perkauman untuk mengaut sokongan politik. Menurut Moten & Mokhtar (2006), Barisan Nasional merupakan pakatan parti politik yang mewakili pelbagai etnik dan seterusnya menunjukkan mereka ialah parti pelbagai budaya.

Untuk persoalan kajian yang kedua, YB Phee Boon Poh (DAP) telah begitu yakin bahawa hanya Pakatan Rakyat mampu membawa Malaysia ke arah politik pelbagai budaya. Dari data sekunder seperti akhbar dalam talian, Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat telah memaparkan politik kepelbagaian budaya yang matang. Mengikut analisis saya, Malaysia merupakan sebuah negara yang sudah lama mengamalkan politik pelbagai budaya (*multicultural-based politic*) sejak zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman.

Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah melancarkan dasar C.A.T (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) yang bersifat adil dan saksama seperti pengisytiharan harta secara terbuka, pelaksanaan tender terbuka, penubuhan sudut pidato, pembasmian miskin tegar, memartabatkan agama Islam, pemeliharaan pendidikan etnik minoriti dan lain-lain lagi telah membuktikan kemampuan Pakatan Rakyat untuk membawa politik Malaysia ke arah politik pelbagai budaya (*multiculturalism*) adalah jelas kerana mereka mengamalkan dasar yang lebih liberal. Baradan (2013) mengatakan program transformasi masyarakat India yang dilancarkan oleh pihak kerajaan telah menunjukkan kerajaan BN merupakan parti yang multi-etnik atau pelbagai budaya dan sentiasa menjaga kepentingan kumpulan minoriti. Selain itu, Datuk Seri Najib Razak juga memberi kebenaran kepada sekolah

persendirian Foon Yew untuk membina sekolah yang kedua, dan pemberian status kolej universiti kepada Kolej Selatan (*Southern College*). Segala usaha dan pengiktirafan yang diberikan kepada kumpulan etnik minoriti juga menunjukkan parti Barisan Nasional merupakan parti yang mengamalkan politik pelbagai budaya dan mampu membawa Malaysia ke arah politik pelbagai budaya.

Selain itu, fungsi BN sebagai parti politik pelbagai budaya terserlah apabila Najib Razak memerlukan wakil masyarakat Tionghua dalam pembentukan kabinet. Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menekankan bahawa pembentukan kerajaan yang berbilang bangsa merupakan satu keperluan kerana dapat memelihara kepentingan etnik masing-masing. Oleh itu, usaha BN telah membuktikan parti itu merupakan parti pelbagai parti yang menjaga kepentingan setiap kumpulan etnik.

Dalam akhbar dalam talian seperti *Rocketkini.com*, *The Malaysian Insider* dan *Harakahdaily* telah mengatakan bahawa terdapat peralihan besar dari semua kumpulan etnik untuk mengundi Pakatan Rakyat termasuk pengundi Tionghua dan Melayu. Oleh itu, corak pengundian sedang berubah dari kumpulan etnik kepada nasional di mana lebih tertumpu kepada *Malaysian first* seperti yang ditekankan oleh Lim Guan Eng (*Harakahdaily*, 2013, Jun 3). Selain itu, Guan Eng juga mengulaskan bahawa keengganan parti UMNO untuk membuka keahlian kepada semua kumpulan etnik telah menunjukkan parti BN bukan parti yang inklusif untuk semua rakyat Malaysia. Oleh itu, slogan 1Malaysia adalah tidak bermakna tetapi hanya untuk pilihan raya sahaja.

Harakahdaily (2013, November 20) juga mengatakan bahawa golongan pengundi muda menyampaikan mesej yang jelas iaitu menolak politik fitnah, ganas, rasis, dan kebencian. Sementara itu, *Roketkini.com* (2013) menekan bahawa pemimpin Pakatan Rakyat daripada DAP, PAS dan PKR menyeru rakyat Malaysia untuk meninggalkan politik etnik, rasuah, dan kronisme serta menyambut politik yang merentasi kumpulan etnik, integriti, kebebasan dan pentadbiran yang baik. Di samping itu, corak pengundian silang juga berlaku di pilihan raya 2013.

Untuk persoalan kajian yang ketiga, YB Phee Boon Poh (DAP) mengatakan kerajaan PR Pulau Pinang telah menunjukkan kemampuan Pakatan Rakyat untuk menyumbang kepada politik kepelbagaian budaya di Malaysia. Contohnya dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus (C.A.T). Kebanyakan pengundi bukan bumiputera telah ditipu dengan dakwah Pakatan Rakyat yang mendakwa mereka mampu untuk menghapuskan polisi ketidaksamarataan dalam kerajaan jika Pakatan menubuhkan kerajaan. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shrilin telah mengkritik Pakatan Rakyat kerana mempermainkan sentimen perkauman untuk meraih sokongan kumpulan etnik yang tertentu (*My sinchew.com*, 2013, Mei 7). Selain itu, Najib Razak telah menyasarkan penyatuan nasional sebagai agenda utama pentadbirannya selepas pilihan raya kerana hubungan etnik bertambah teruk akibat daripada permainan politik perkauman yang dimainkan oleh Pakatan Rakyat.

Kenyataan YB Phee Boon Poh adalah berasas kerana parti DAP merupakan parti multi-etnik kerana terdapat wakil-wakil yang dilantik daripada etnik Melayu, India, Tionghua, Kadazan dan lain-lain lagi. Sementara itu, Sinar Harian (2012, Januari 21) telah mengatakan bahawa pemuda Melayu mula menyertai parti

DAP yang bersifat multi-etnik setelah melihat kekuatan ideologi dan kejayaan DAP Pulau Pinang dalam mengurangkan kemiskinan tegar. Contohnya, Fairuz Azhan Amiruddin dan peguam Dyana Sofaya Mohd Daud.

5.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, politik di Malaysia ialah politik kepelbagaian budaya tetapi parti-parti politiknya adalah berasaskan kumpulan etnik. Contohnya, UMNO, MCA, MIC, dan PAS. Manakala, parti DAP dan PKR lebih bersifat multi-etnik. Justeru, unsur-unsur etnik kerap akan digunakan dalam pilihan raya umum untuk menarik sokongan daripada kumpulan etniknya. Contohnya, MCA, Gerakan dan DAP akan bertanding di kawasan pilihan raya yang mempunyai majoriti Tionghua. Oleh itu, Malaysia bukan negara yang mengamalkan politik etnik tetapi lebih menjurus kepada politik pelbagai budaya kerana kedua-dua parti pakatan seperti BN dan PR mempunyai wakil atau ketua yang berasal daripada kumpulan etnik yang berlainan dengan melaksanakan pelbagai dasar yang memberi maafaat kepada rakyat seperti Bantuan 1 Malaysia dan Dasar Cepak, Akauntabiliti dan Telus (C.A.T). Politik etnik yang sebenar berlaku di negara di mana kuasa pemerintahan hanya dikuasai oleh sekumpulan etnik sahaja dan sentiasa menafikan hak-hak sivil kumpulan minoriti seperti kerakyatan dan hak-hak pendidikan bahasa ibunda, contohnya seperti kerajaan junta Myanmar.

Negara Malaysia merupakan negara yang sudah lama mengamalkan politik pelbagai budaya kerana terdapat pelbagai wakil daripada semua kumpulan etnik yang memegang portfolio dalam kerajaan pusat dan negeri. Selain itu, pihak kerajaan BN juga memberi kebenaran kepada sekolah persendirian Tionghua untuk membina sekolah yang kedua dan menaiktaraf status *Southern College* kepada Kolej Universiti dengan jelas menunjukkan bahawa negara Malaysia merupakan negara yang sudah mengamalkan politik pelbagai budaya sejak zaman pemerintahan Tunku Abdul

Rahman lagi. Tambahan lagi, terdapat pelbagai jenis akhbar dalam talian (Berita Harian *Online*, *My sinchew.com* dan *The Star Online*) telah menunjukkan Pakatan Rakyat terlibat dengan isu-isu etnik tetapi pada masa yang sama kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah membuktikan sumbangan mereka melalui pelbagai dasar yang liberal, adil dan saksama. Contohnya, dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus (C.A.T). Sementara itu, *Roketkini.com*, *The Malaysian Insider* dan *Harakahdaily* juga menekankan bahawa parti BN/UMNO merupakan parti yang bersifat kumpulan etnik dan parti BN telah memecahbelahkan rakyat Malaysia selama 50 tahun demi menjaga kepentingan mereka sahaja. Secara kesimpulannya, kedua-dua parti pakatan seperti Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat merupakan parti-parti politik pelbagai budaya dan melaksanakan pelbagai dasar yang memberi manfaat kepada masyarakat tetapi mereka akan menggunakan isu-isu etnik semasa pilihan raya.

RUJUKAN

BUKU

- Bhattacharjee, A. (2012). *Social science research: Principles, methods, and practices*. Florida, USA: University of South Florida.
- Calvert, P., Calvert, S. & Calvert, P. (2007). *Politics and society in the developing world*. Harlow, England: Pearson/Longman.
- Johnson, J. B. & Reynolds, H. T. (2012). *Political science research methods* (7rd ed.). United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Kua, K. S. (2002). *Malaysian critical issues*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information Research Development (SIRD).
- Kassim, T. (2002). *Malaysia: Perspektif sejarah dan politik*. Cheras, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Krippendorff, K. (1980). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Beverly Hills, California: SAGE Publications Ltd.
- Laden, A. S. & Owen, D. (Ed.). (2007). *Multiculturalism and political theory*. United States of America: Cambridge University Press.
- Manaf, A. H. A. (2009). *Kontrak sosial*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Miller, H. (2007). *The story of malaysia*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- McGarry, J., & O'leary, B. (1993). *The politics of ethnic conflict regulation*. Great Britain: Routledge.
- Ooi, K. B., Johan, S., & Lee, H. G. (2008). *March 8 eclipsing may 13*. Pasir Panjang, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Perlembagaan Persekutuan* (hingga 25hb Mei 2005). Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan: International Law Book Services.
- Rohani, H. A. G., Ismail, H. Y., & Izani, M. M. Z. (2009). *Bab 3: Kolonialisme* (pp. 43-53). Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Zammas X' Press Niaga.
- Rohani, H. A. G., & Saleh, M. I. (Ed.). (2009). *Malaysia: Pembinaan negara bangsa* (3rd ed.). Bukit Mertajam, Pulau Pinang: Zammas X' Press Niaga.

JURNAL

- Balasubramaniam, V. (2006). Embedding ethnic politics in malaysia: Economic growth, its ramifications and political popularity. *Asian Journal of Political Science*, 14(1), 23-39.
- Chin, J. (2001). Malaysian chinese politics in the 21th century: Fear, service and marginalization. *Asian Journal of Political Science*, 9(2), 78-94.
- Donald, D, H. (1971). Three dimensions of ethnic politics. *Cambridge University Press*, 23(2), 232-244.
- Fuad, M, J, M., Junaidi, A, B., Buang, A., Selvadurai, S., Er, A, C., & Lyndon, N. (2011). Ethnic attitudes, political preference and the politics of stability. *World Applied Sciences Journal*, 13, 34-38.
- Gomez, J., & Rusdi, O. (2013). Overseas voter mobilization in singapore: Implications from malaysia's 13th general election. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 32(2), 105-123.
- Haque, M, S. (2003). The role of the state in managing ethnic tensions in malaysia. *America Behavioral Scientist*, 47(3), 240-266.
- Kartini, A, T., Nidzam, S., Wan, K, M., Siti, R, T., Ermy, A, R., & Rasyid, A. (2013). Power sharing in malaysia: Beyond unity and political duplicity. *Asian Social Science*, 9(10), 274-282.
- Khadijah, M, K., & Halimah, A. (2008). Voting patterns: Evidence from the 2004 general election. *Journal of Politics and Law*, 1(4). 33-44.
- Lian, K, F. & Appudurai, J. (2011). Race, class and politics in peninsular malaysia: The general election of 2008. *Asian Studies Review*, 35, 63-82.
- Liow, J, C., & Pasuni, A. (2010). Debating the conduct and nature of Malaysian politics: Communalism and new media post-march 2008. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 4, 39-65.
- Lim, H, H. (2002). Electoral politics in malaysia: 'Managing' elections in plural society. *Electoral Politics in Southeast and East Asia*, 101-148.
- Moniruzzaman, M. (2013). The 13th Malaysian general election: Uncertainties and Expectations. *Intellectual Discourse*, 21(1), 55-70.
- Moten, A, R. (2009). 2004 and 2008 general elections in malaysia: Towards a multicultural, bi-party political system? *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173-194.
- Maznah, M. (2008). Malaysia-democracy and the end of ethnic politics? *Australian Journal Affairs*, 62(4), 441-459.
- Nagy, S, R. (2014). Politics of multiculturalism in east asia: Reinterpreting multiculturalism. *Chinese University of Hong Kong*, 14(1), 160-176. doi: 10.1177/1468796813498078.

- Osman, C. A. (2012). Unity and harmony in malaysia: Problems and challenges. *British Journal of Science*, 6(1), 28-37.
- Singh, H. (2001). Ethnic conflict in malaysia revisited. *Commonwealth & Comparative Politics*, 39(1), 42-65.
- Weiss, M. L. (2013). Malaysia's 13th general elections: Same result, different outcome. *University of California Press*, 53(6), 1135-1158. doi: 10.1525/AS.2013.53.6.1135.

AKHBAR DALAM TALIAN

- Aino, N, M, Y. (2012, Januari 21). Penyertaan melayu bukti dap bukan rasis. *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/politik/penyertaan-melayu-bukti-dap-bukan-rasis-1.19444>
- Badaran, K. (2013, Mei 4). GE13: Big or small, barisan nasional will win. *The Star Online*. Retrieved from http://elections.thestar.com.my/story.aspx?file=/2013/5/4/GE13/13042122#.Ur_5gfvkodo
- Hickey, J, G. (2014, Januari 8). Race gap: Blacks fall further behind under obama. *NEWSMAX*. Retrieved from <http://www.newsmax.com/Newsfront/obama-blacks-poverty-education/2014/01/08/id/545866/>
- Hazman, B. (2013, April 21). Perkauman: Melihat dari perspektif lebih luas. *Harakahdaily*. Retrieved from <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/18524-perkauman-melihat-dari-perspektif-lebih-luas>
- Lim, G, E. (2013, Mei 11). Ucapan oleh setiausaha agung dap dan ketua menteri pulau pinang lim guan eng semasa persidangan khas dap. *Rocketkini.com*. Retrieved from <http://www.rocketkini.com/2013/05/11/ucapan-oleh-setiausaha-agung-dap-dan-ketua-menteri-pulau-pinang-lim-guan-eng-semasa-persidangan-khas-dap/>
- Lim, S, G. (2013, Mei 6). The strong wind of anti-ruling in chinese community (Soong, P, J, Trans). *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysinthew.com/node/86092>
- n.d. (2013, Mei 20). Najib perlu tamatkan kebejatan perkauman. *Rocketkini.com*. Retrieved from <http://www.rocketkini.com/2013/05/20/najib-perlu-tamatkan-kebejatan-perkauman/>
- n.d. (2013, November 20). Kuasai budaya politik baru pasca pru13- nasrudin. *Harakahdaily*. Retrieved from <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/23614-kuasai-budaya-politik-baru-pasca-pru13-nasrudin>

- n.d. (2013, Jun 3). Umno parti satu kaum bunuh 1malaysia najib. *Harakahdaily*. Retrieved from <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/19721-umno-parti-satu-kaum-bunuh-1malaysia-najib>
- n.d. (2013, Mei 21). Dalam keputusan pilihan raya 2013, pengakhiran untuk politik perkauman bermula. *The Malaysian Insider*. Retrieved from <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dalam-keputusan-pilihan-raya-2013-pengakhiran-untuk-politik-perkauman-bermula>
- n.d. (2013, Mei 13). Tiada masalah jika tidak ada suara cina dalam kerajaan, kata ahli akademik. *Sinar Harian*. Retrieved from <http://pru13.sinarharian.com.my/tiada-masalah-jika-tidak-ada-suara-cina-dalam-kerajaan-kata-ahli-akademik-1.159865>
- n.d. (2013, Mei 12). UMNO bukan rasis. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/UMNObukanrasis/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 12). Kaum cina silap percaturan. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KaumCinasilappercaturan/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 10). Cetus isu perkauman. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Cetuisuperkauman/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 9). Sasar penyatuan nasional. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Sasarpenyatuannasional/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 9). 90 peratus penduduk felda sokong bn. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/90peratuspendudukFELDAsokongBN/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 8). Kaji punca kemerosotan pengundi cina terhadap bn. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KajipuncakemerosotanpengundiCinaterhadapBN/pilihanraya/PRU13/Article/index_html
- n.d. (2013, Mei 8). Kerajaan masih perlukan wakil cina. *Berita Harian Online*. Retrieved from http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KajipuncakemerosotanpengundiCinaterhadapBN/pilihanraya/PRU13/Article/index_html

- n.d. (2013, Mei 8). It's chinese tsunami aided by power-crazy Malays: Mahathir. *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86177>
- n.d. (2013, Mei 7). BN youth to study voting trends: Khairy. *My sinchew.com* Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86126>
- n.d. (2013, Mei 6). DAP marks favourable outing in ge13. *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86081>
- n.d. (2013, Mei 5). Voting process in gelang patah runs smoothly with minor incident at sjkc pu sze. *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86052>
- n.d. (2012, Disember 3). Jangan percaya fitnah, ini dia bukti kejayaan c.a.t pulau pinang. *Roketkini.com*. Retrieved from <http://www.roketkini.com/2012/12/03/jangan-percaya-fitnah-ini-dia-bukti-kejayaan-c-a-t-pulau-pinang/>
- Tay, C, K. (2013, Mei 8). More than just "chinese tsunami" (Loh, D, Trans). *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86168>
- Tay, T, Y. (2013, Mei 6). Chinese faces uncertain future after bidding farewell to mainstream politics (Soong, P, J, Trans). *My sinchew.com*. Retrieved from <http://www.mysin Chew.com/node/86084>
- Toure. (2012, Oktober 19). Viewpoint: Will blacks vote for obama "because he's black"? *TIME*. Retrieved from <http://ideas.time.com/2012/10/19/viewpoint-will-blacks-vote-for-obama-because-hes-black/>
- Wong, S, W. (2013, Mei 4). GE13: Let's have some clear results. *The Star Online*. Retrieved from http://elections.thestar.com.my/story.aspx?file=/2013/5/4/GE13/13042114#.Ur_6VPv_kodo
- Wong, C, W. (2013, Mei 4). GE13: Of chinese storm and malay voters. *The Star Online*. Retrieved from <http://elections.thestar.com.my/story.aspx?file=/2013/5/4/GE13/13046564>
- Yeoh, M. (2013, Mei 4). GE13: Accpet the outcome-come what may. *The Star Online*. Retrieved from http://elections.thestar.com.my/story.aspx?file=/2013/5/4/GE13/13050793#.Ur_6vPv_kodo

ARTIKEL

Berger, D. (2010). *The 2008 malaysian general election: Killing the ghost of 1969?* Flinder Asia Centre Occasional Paper 2.

BUKU DALAM TALIAN

Hashim, W, W, T. (2011). *Hubungan etnik di malaysia*. Retrieved from <http://books.google.com.my/books?id=CdnW2Lnv11UC&pg=PA155&dq=kerajaan+pakatan+rakyat&hl=en&sa=X&ei=dBFVU8f5HMKkrQf884DoBw&ved=0CEAQ6AEwAg#v=onepage&q=kerajaan%20pakatan%20rakyat&f=false>

BULETIN

Zainulfaqar, Y. (2013, Disember 1-15). Bajet 2014 berasaskan pentadbiran hasil demi rakyat. *Buletin Mutiara*, p. 1-3.

TEMURAMAH MELALUI EMAIL

YB Phee Boon Poh (Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan dari Parti Demokratik Tindakan/ DAP), soalan temuramah telah dihantar pada 3 April 2014 dan dikumpul balik pada 13 April 2014.

LAMPIRAN

NAMA: CHEUNG HENG RUN (812443)

NOMBOR TELEFON:

017-44.....

PROGRAM: MASTER OF STRATEGIC STUDIES

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PENYELIA KERTAS PROJEK:

EN RUSDI OMAR

TAJUK KERTAS PROJEK:

‘BERUBAH DARI POLITIK ETNIK KEPADA POLITIK PELBAGAI BUDAYA: IMPAK PILIHAN RAYA UMUM 2013’

KEPADA:

Y.B. PHEE BOON POH

N.7 SUNGAI PUYU (PULAU PINANG)

TUJUAN TEMURAMAH:

UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT AHLI-AHLI POLITIK TERHADAP POLITIK MALAYSIA DAN SOALAN TEMUDUGA INI TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG MOTIF TETAPI HANYA UNTUK KAJIAN SAHAJA. OLEH ITU, SAYA BERHARAP YANG BERHORMAT DAPAT MEMBERI KERJASAMA YANG SEPENUHNYA SUPAYA SAYA DAPAT MENYIAPKAN KERTAS PROJEK INI.

HASIL DARIPADA TEMUDUGA AKAN DIGUNAKAN DALAM KERTAS PROJEK (PROJECT PAPER)

TARIKH BERMULA:

3 APRIL 2014

TARIKH PENGUMPULAN BALIK JAWAPAN TEMURAMAH MELALUI EMAIL:

13 APRIL 2014

SILA MENGHANTARKAN JAWAPAN KEPADA ALAMAT EMAIL BERIKUT

.....

Soalan Temuramah

- 1) Soalan ini akan menerapkan pandangan tuan/puan terhadap parti-parti politik di Malaysia. Terdapat sesetengah pengkaji berpendapat bahawa kebanyakan parti-parti politik di Malaysia adalah berasaskan kumpulan etnik/bangsa. Oleh itu, politik etnik ialah sejenis politik sentiasa berpaksi kepada kepentingan kumpulan etnik tertentu.
- Secara keseluruhannya, adakah parti-parti politik di Malaysia mengamalkan politik etnik?

Jawapan: Sepatutnya tidak boleh

- 2) Soalan ini mengkaji tentang perubahan arah politik Malaysia terutamanya ke arah politik kepelbagaian budaya. Politik kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) ialah sejenis politik yang sentiasa berpaksi kepada kesaksaman, keadilan, dan pengiktirafan terhadap hak-hak sivik kumpulan minoriti. Ia juga merupakan politik yang tidak berpaksi kepada kumpulan etnik sebaliknya kepada semua rakyat.
- Adakah politik Malaysia sedang bergerak ke arah politik kepelbagaian budaya? Sila berikan contoh.

Jawapan: Tidak selain dari pakatan rakyat

- 3) Sejauhmanakah Pakatan Rakyat (PR) boleh menyumbang kepada politik kepelbagaian budaya (*multiculturalism*)?

Jawapan: Kerajaan PR Pulau Pinang telah membuktikan sumbangannya